

## BAB III

### IMBUHAN KATA BAHASA ARAB

#### 3.1 Konsep Imbuhan.

Imbuhan merupakan aspek yang amat berkaitan dengan pembentukan kata. Pengimbuhan berlaku melalui proses sesuatu morfem digabungkan dengan morfem yang lain untuk pembentukan kata yang baru dan makna yang baru terhasil. Pengimbuhan atau pembentukan kata dalam bahasa Arab dibincangkan dalam disiplin ilmu morfologi bahasa Arab. Perbincangan utama dalam ilmu morfologi bahasa Arab memfokuskan kepada binaan kata berdasarkan kaedah tertentu seperti kedudukan huruf kata asal, pola-pola kata, penambahan huruf, pengguguran huruf, penukaran dan perubahan sesuatu huruf dengan huruf lain.

Perkataan merupakan satu unit ujaran bebas yang terbentuk daripada gabungan beberapa huruf dan perkataan tersebut mestilah mengandungi makna. Perkataan merupakan unit bahasa yang paling kecil dalam binaan ayat dan juga menjadi unit asas dalam ilmu semantik atau makna.

Dalam pembentukan sesuatu kata, perbahasan ditumpukan kepada unsur terkecil dalam morfologi iaitu morfem (الْوَحْدَةُ الصَّرْفِيَّةُ). Morfem merupakan unit minimal yang bermakna dalam pembinaan kata. Sesuatu kata boleh terdiri hanya dengan satu morfem sahaja atau gabungan beberapa morfem. Morfem terdiri daripada dua jenis, iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas ialah morfem yang boleh wujud

secara bersendirian tanpa bergantung kepada morfem lain sebagai satu suku kata dan mempunyai makna yang tersendiri.

Contoh:

1. كُنَّا ertinya: *kami*.
2. سَيَّارَةٌ ertinya: *kereta*.
3. دَخَلَ ertinya: *masuk*.

Manakala morfem terikat pula ialah morfem yang tidak boleh berdiri sendiri sebagai kata dan hanya wujud sebagai imbuhan yang digabungkan dengan morfem lain.

Contoh:

1. Huruf ta:’ /ت/ dalam perkataan قَامَتْ ertinya: *dia seorang perempuan telah berdiri*.
2. Huruf nu:n /ن/ dalam perkataan نَدَخَلُ ertinya: *kami masuk*.
3. Huruf alif dan la:m /ال/ dalam perkataan الْكِتَابُ ertinya: *kitab itu*.

Morfem memainkan peranan penting dalam konsep pengimbuhan kata. Sesuatu morfem yang digabungkan dengan morfem yang lain akan menghasilkan kata yang baru dengan makna yang baru. Menurut (Al-Khu:liyy 2000:71-74) apabila morfem dilihat daripada proses pembentukannya maka ia terdiri daripada morfem derivasi الْمُؤْتَمِرُ الْإِسْتِقَائِيُّ dan morfem infleksi الْمُؤْتَمِرُ التَّصَرُّفِيُّ . Morfem derivasi ialah perkataan kata nama pelaku, kata nama objek, kata nama tempat dan sebagainya. Manakala morfem infleksi tetap tidak berubah leksikalnya walaupun berlaku perubahan morfem seperti perubahan kata kerja

kala lampau kepada kata kerja kala kini. Kedua-dua kata tersebut masih lagi berada dalam golongan kata yang sama iaitu kata kerja.

Kata berimbuhan akan terhasil daripada penambahan morfem dalam sesuatu kata asal dan melalui proses tertentu dalam pembentukan kata. Ahli-ahli morfologi bahasa Arab telah mengkaji aspek pengimbuhan atau perubahan kata dan mendapati bahawa dalam bahasa Arab terdapat dua bentuk pengimbuhan kata, iaitu pengulangan huruf dan penambahan huruf. Bentuk pengimbuhan dengan pengulangan huruf ialah terdapat pengulangan huruf asal pada sesuatu perkataan atau terdapat tanda tasydid /ّ/. Tanda tasydid pada perkataan tersebut menunjukkan gandaan huruf atau pengulangan huruf asal pada perkataan tersebut. Contoh: قَطَّعَ ertinya: *memotong-motong*, perkataan أَحْمَرَّ ertinya: *kemerah-merahan* dan pelbagai bentuk kata yang lain.

Menurut (Umar bin Tha:bit al-Thama:ni:niyy, 1999:220) taşri:f penambahan huruf kepada perkataan asal hanya berlaku pada ‘ain fi‘il /ع/ dan juga la:m fi‘il /ل/ sahaja.

Contoh:

1. سَلَّمَ atau dalam bentuk asal ialah سَلَّمَ , perkataan tersebut menggunakan pola kata فَعَّلَ . Huruf tambahan ialah huruf la:m /ل/ iaitu pada kedudukan ‘ain fi‘il.
2. كَذَّبَ atau dalam bentuk asal ialah كَذَّبَ , perkataan tersebut menggunakan pola kata فَعَّلَ . Huruf tambahan ialah huruf dha:l /ذ/ iaitu pada kedudukan ‘ain fi‘il.
3. جَلَّبَ perkataan tersebut menggunakan pola kata فَعَّلَ , huruf tambahan ialah huruf ba:’ /ب/ iaitu pada kedudukan la:m fi‘il /ل/ sebelum akhir.
4. ضَرَّبَ perkataan tersebut menggunakan pola kata فَعَّلَ , huruf tambahan ialah huruf ba:’ /ب/ iaitu pada kedudukan la:m fi‘il /ل/ sebelum akhir.

Manakala pengimbuhan melalui proses penambahan huruf ialah menambahkan sesuatu huruf tambahan pada perkataan asal. Terdapat sepuluh morfem yang boleh diimbuhkan untuk pembentukan kata baru. Huruf-huruf tersebut adalah seperti dalam jadual berikut:

Bil.	Nama huruf	Lambang huruf
1	Alif	ا
2	Ta:'	ت
3	Si:n	س
4	La:m	ل
5	Mi:m	م
6	Nu:n	ن
7	Wa:u	و
8	Ha:'	ه
9	Hamza	أ
10	Ya:'	ي

Jika digabungkan sepuluh morfem tersebut menjadi satu lafaz iaitu: سَأَلْتُمُونِيهَا. Morfem-morfem tersebut boleh diimbuhkan ke dalam kata kerja dan juga kata nama. Pengimbuhan morfem-morfem ke dalam kata asal akan berlaku perubahan makna pada kata asal tersebut, iaitu perkataan baru yang terbentuk akan menghasilkan makna yang

baru. Antara contoh perkataan yang terdapat imbuhan melalui proses penambahan huruf ialah:

1. Kata asal عَلِمَ ertinya: *mengetahui*, setelah penambahan huruf alif /ا/ selepas huruf asal yang pertama maka kata asal bertukar menjadi عَالِمٌ ertinya: *orang alim (orang yang mengetahui)*.
2. Kata asal حَسُنَ ertinya: *baik*, setelah penambahan huruf hamzat /ا/ di awal kata asal maka kata asal bertukar menjadi أَحْسَنُ ertinya: *lebih baik*.
3. Kata asal عَقَلَ ertinya: *lalai*, setelah penambahan huruf ta:' /ت/ di awal kata dan huruf alif /ا/ setelah fa:' fi'il /ف/ maka kata asal bertukar menjadi تَعَاْفَلَ ertinya: *berpura-pura lupa*.
4. Kata asal غَفَرَ ertinya: *mengampunkan*, setelah penambahan huruf hamzat /ا/, huruf si:n /س/ dan huruf ta:' /ت/ di awal kata asal menjadi اسْتَغْفَرَ ertinya: *meminta ampun*.

### 3.2 Pola kata (Wazan Sarf).

Para ulama ahli tatabahasa bahasa Arab sepakat dalam menetapkan pembentukan pola kata bahasa Arab (مِيْرَان). Kebanyakan kata dalam bahasa Arab dibentuk daripada perkataan yang terdiri daripada tiga huruf asal. Huruf asal pertama dikenali sebagai fa:' fi'il /ف/, huruf asal kedua dikenali sebagai 'ain fi'il /ع/ manakala huruf asal yang ketiga dikenali sebagai la:m fi'il /ل/ dan pola kata tersebut ialah فَعَلَ /fa'ala/.

Perkataan yang mengikut pola kata kata kerja tiga huruf asal iaitu كَتَبَ. Perkataan tersebut mengikut pola kata tiga huruf asal iaitu فَعَلَ /fa'ala/. Huruf asal pertama ialah

ka:f /ك/ pada kedudukan fa:’ fi’il /ف/, huruf asal kedua ialah ta:’ /ت/ pada kedudukan ‘ain fi’il /ع/ dan huruf asal ketiga ialah huruf ba:’ /ب/ pada kedudukan la:m fi’il /ل/. Kebanyakan kata asal bagi perkataan bahasa Arab menggunakan pola kata فَعَلَّ /fa‘ala/.

Contoh kata asal tanpa penambahan imbuhan ialah:

1. نَصَرَ ertinya: *menolong*.
2. كَتَبَ ertinya: *menulis*.
3. عَلِمَ ertinya: *mengetahui*.

Contoh perkataan yang berlaku proses pengimbuhan bagi kata asal ialah:

1. Perkataan نَصَرَ menjadi نَاصِرٌ ertinya: *penolong*, نَصَّرَ ertinya: *mengkristienkan* dan pelbagai bentuk kata yang lain.
2. Perkataan كَتَبَ menjadi كَاتِبٌ ertinya: *penulis*, مَكْتَبٌ ertinya: *meja (tempat menulis)* dan pelbagai bentuk kata yang lain.
3. Perkataan عَلِمَ menjadi مُعَلِّمٌ ertinya: *guru*, مُتَعَلِّمٌ ertinya: *pelajar*, dan pelbagai bentuk kata yang lain.

Setiap perkataan dalam bahasa Arab mesti mengikut pola kata tertentu.

Contoh:

1. جَلَسَ ertinya: *duduk*, mengikut pola kata فَعَلَّ / fa‘ala/.
2. كَاتِبٌ ertinya: *penulis*, mengikut pola kata فَاعِلٌ /fa:‘ilun/.
3. مَنْصُورٌ ertinya: *orang yang ditolong*, mengikut pola kata مَفْعُولٌ /maf‘u:lun/.
4. تَسَاءَلَ ertinya: *saling bertanya*, mengikut pola kata تَفَاعَلَ /tafa:‘ala/.

5. اسْتَغْفَرَ ertinya: *meminta ampun*, mengikut pola kata اسْتَفْعَلَ /istaf'ala/.

Bentuk pola kata merupakan unsur asas untuk menentukan makna sesuatu kata yang diterbitkan dari kata asal. Melalui pola kata juga konsep makna perkataan tersebut dapat dijelaskan dan pengolongan kata dapat dikenal pasti.

Contoh:

1. عَالِمٌ ertinya: *orang yang berilmu*.
2. مُتَعَلِّمٌ ertinya: *pelajar (penuntut ilmu)*.
3. مُعَلِّمٌ ertinya: *guru (pengajar ilmu)*.
4. عِلْمٌ ertinya: *ilmu*.

Golongan kata dalam bahasa arab terbahagi kepada tiga, iaitu:

- a. Kata nama (ism)
- b. Kata kerja (fi'il)
- c. Partikel (harf).

Kata nama dan kata kerja adalah perkataan yang terdapat pola kata, manakala partikel tidak terdapat pola kata kerana kebiasaannya partikel terdiri daripada perkataan yang mempunyai satu atau dua konsonan.

### 3.3 Imbuhan dan perubahan makna.

Kajian tentang makna perkataan merupakan topik yang menarik dalam bahasa Arab. Ini disebabkan makna merupakan tujuan utama yang ingin disampaikan oleh sesuatu perkataan. Dalam ilmu linguistik, bidang morfologi merupakan satu bidang yang memberi tumpuan terhadap makna yang terkandung dalam sesuatu perkataan untuk pembentukan ayat atau ujaran.

Pengimbuhan kata bahasa Arab jika dirujuk dalam perbahasan morfologi bahasa Arab terdapat dua istilah yang dikaitkan dengan imbuhan kata, iaitu isytiqa:q dan taşri:f .

#### 3.3.1 Isytiqa:q (Derivasi).

Isytiqa:q dalam bahasa Arab sangat penting kerana bahasa Arab terdiri dari satu kata dasar mampu menerbitkan bentuk kata yang baru, sama ada kata kerja atau kata nama melalui proses imbuhan fonem-fonem ke dalam kata asal. Proses ini menunjukkan keistimewaan dan keunggulan bahasa Arab.

Perkataan isytiqa:q (الاشتقاق) adalah berasal daripada kata dasar شَقَّقَ /syaqaqa/ dan isytiqa:q adalah kata terbitan daripada perkataan اِشْتَقَّ /isytaqqa/ ertinya ialah *menerbitkan*, iaitu (أَخَذَ الْكَلِمَةَ مِنْ الْكَلِمَةِ) maknanya ialah *menerbitkan sesuatu kalimah daripada satu kalimah yang lain*. (Fairuz A:ba:diyy, *Al-Kamus*, 2003:898). Maksud isytiqa:q dari segi istilah ialah: Pengambilan satu kalimah dari satu kalimah yang lain dengan penyesuaian lafaz dan makna berserta suku kata perkataan tersebut tidak berubah mengikut susunan kata asal.



Menurut (Muhammad Abdul Ghani Al-Misr, 1989:17) isytiqa:q adalah mengambil satu perkataan daripada perkataan yang lain serta terdapat persamaan keduanya pada makna tetapi berbeza dari segi lafaz. Contoh pengambilan perkataan *عَالِمٌ* ertinya: *orang yang berilmu*, daripada perkataan *عَلِمَ* ertinya: *telah mengetahui*. Dan perkataan *مَكْتُوبٌ* ertinya: *yang ditulis*, daripada perkataan *كَتَبَ* ertinya: *telah menulis*.

Isytiqa:q adalah pengambilan satu perkataan daripada perkataan lain dengan terdapat penyesuaian lafaz dan makna. Menurut (Muhammad Abdul al-Hafiz al-'Itya:n 2003: 149-150) yang dimaksudkan bersesuaian dengan lafaz terdapat tiga bentuk persamaan, iaitu: persamaan dengan huruf asal dan susunannya dinamakan istiqa:q ṣaghi:r contoh: *الجنّ* ertinya: *jin*, dan perkataan *الجنة* ertinya: *syurga*. Perkataan tersebut terdapat persamaan susunan huruf iaitu huruf *ji:m* dan huruf *nu:n* bersabdu. Perkataan tersebut juga terdapat persamaan makna iaitu sifat terselindung iaitu tidak dapat dilihat. Persamaan dengan huruf asal sahaja dinamakan istiqa:q kabi:r contoh: *سُوقٌ* ertinya: *pasar*, dan perkataan *وَسَقَ* ertinya: *mengumpulkan*. Perkataan tersebut juga terdapat persamaan makna iaitu tempat orang ramai. Manakala yang ketiga persamaan tempat keluar huruf, iaitu makhrajnya dinamakan istiqa:q akba:r.

Menurut majoriti ahli semantik bahasa Arab, isytiqa:q terbahagi kepada empat jenis, iaitu:

- a. Isytiqa:q Ṣaghi:r *الإِشْتِقَاقُ الصَّغِيرُ* .
- b. Isytiqa:q Kabi:r *الإِشْتِقَاقُ الْكَبِيرُ* .
- c. Isytiqa:q Akbar *الإِشْتِقَاقُ الْأَكْبَرُ* .
- d. Isytiqa:q Kubba:r *الإِشْتِقَاقُ الْكُبَّارُ* .

**a. Isytiqa:q Şaghi:r.**

Isytiqa:q şaghi:r ialah penghasilan satu kata daripada satu kata yang lain dan kedua-dua perkataan tersebut terdapat perkaitan dari segi makna dan persamaan huruf-huruf asal serta susunan huruf. Contoh pengambilan perkataan ضَارِبٌ ertinya: *orang yang memukul*, daripada perkataan ضَرْبٌ ertinya: *pukulan*. (Al-Sayu:thiyy, tt, Vol 1:346.)

Isytiqa:q şaghi:r merupakan isytiqa:q yang sangat meluas penggunaannya dan merupakan perbincangan utama dan asas dalam mempelajari ilmu sarf. Contohnya:

- a. فَهِمٌ ertinya: *telah memahami*, setelah proses pengimbuhan dilakukan akan menghasilkan perkataan baru, antaranya ialah يَفْهَمُ ertinya: *sedang memahami*, فَهْمًا ertinya: *kefahaman*, فَاهِمٌ ertinya: *yang memahami*, مَفْهُومٌ ertinya: *yang difahami* dan lain-lain lagi.
- b. ضَرْبٌ ertinya: *telah memukul*, setelah proses pengimbuhan dilakukan akan menghasilkan perkataan baru, antaranya ialah يَضْرِبُ ertinya: *sedang memukul*, ضَرْبًا ertinya: *pukulan*, ضَارِبٌ ertinya: *yang memukul*, مَضْرُوبٌ ertinya: *yang dipukul* dan lain-lain lagi.

Proses imbuhan tersebut adalah proses istiqa:q şaghi:r.

Menurut (Muhammad Abdul al-Hafiz al-'Irya:n, 2003:153). Terdapat tiga ciri bagi isytiqa:q şaghi:r, iaitu: Terdapat persamaan makna antara perkataan yang dibentuk dengan perkataan asal, terdapat persamaan huruf asal bagi kedua-dua perkataan tersebut dan terdapat persamaan turutan huruf asal perkataan.

**b. Isytiqa:q Kabi:r.**

Ibn jinniyy dalam al-Khaṣa:’iṣ merupakan ulama pertama yang membuat kajian tentang isytiqa:q kabi:r. Mengikut kaedah isytiqa:q kabi:r kata yang mempunyai tiga sukukata dapat ditukar susunan sukukata akar sehingga menjadi enam perkataan tetapi dari segi semantik secara umum terdapat persamaan sifat makna. (Ibn Jinniyy, 2003, Vol 1:490).

Isytiqa:q kabi:r ialah pembentukan kata melalui proses rombakan perkataan, iaitu sesuatu perkataan akan mengalami pertukaran kedudukan susunan huruf-huruf perkataan kata akar dan menyebabkan lafaz perkataan berubah sebutan dan bunyinya. Perubahan fonem ini secara inovasi yang memberi maksud perubahan bunyi, bentuk kata, makna dan menyebabkan terbentuk perkataan baru. Walaupun binaan perkataan berubah dan makna perkataan baru terhasil namun masih lagi mempunyai persamaan makna dari segi semantik secara umum. (Ibn Jinniyy, 2003, Vol 1:493).

Contoh perkataan كَسَمَلٌ ditukarkan kepada beberapa perkataan seperti:

- a. كَسَمَلٌ ertinya: *sejahtera*.
- b. كَسَمَلٌ ertinya: *sedikit air yang tidak mengalir*.
- c. كَسَمَلٌ ertinya: *licin atau halus*.
- d. كَسَمَلٌ ertinya: *sentuhan*.
- e. كَسَمَلٌ ertinya: *bayu*.

Walaupun berlainan makna secara khusus namun mempunyai persamaan sifat makna semantik iaitu terdapat unsur-unsur kelembutan.

**c. Isytiqa:q Akbar.**

Isytiqa:q akbar juga dikenali sebagai *al-Ibda:l al-Lughawiyy*, iaitu menukarkan suatu huruf dengan suatu huruf yang lain dalam suatu perkataan dengan syarat kedua-dua perkataan tersebut memiliki sifat dan makhraj yang sama dan juga terdapat perkaitan dari segi makna. Contoh perkataan نَهَقَ ertinya: *bunyi suara (himar)* dan perkataan نَعَقَ ertinya: *bunyi suara burung (gagak atau burung hantu)*. Kedua-dua perkataan tersebut terdapat persamaan makna iaitu keduanya terkandung makna sifat suara yang tidak disukai. Terdapat juga perkataan-perkataan yang tidak ada persamaan dari segi makhraj tetapi mempunyai perkaitan makna. Contoh: أَخْرَبُ ertinya: *lubang jarum*, dan perkataan أَخْرَثُ ertinya: *lubang*. (Muhammad Bin Abdul Ghani al-Misriyy, 1989:19)

**d. Isytiqa:q Kubba:r.**

Isytiqa:q kubba:r dikenali juga sebagai *al-Naht (النَّحْتُ)*. Isytiqa:q kubba:r ialah satu perkataan yang dibentuk hasil gabungan daripada dua perkataan atau lebih dan perkataan baru yang terbentuk menunjukkan makna kepada dua perkataan asal atau ayat yang digabungkan. (Muhammad Abdul al-Hafiz al-'Irya:n, 2003:175).

Contoh:

- a. حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ adalah yang terhasil daripada gabungan ayat: حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ .
- b. لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ . adalah yang terhasil daripada gabungan ayat: لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ .
- c. عَبْدُ الشَّمْسِ adalah yang terhasil daripada gabungan dua perkataan iaitu: عَبْدُ الشَّمْسِ .

Antara empat bahagian isytiqa:q yang telah dinyatakan, isytiqa:q ṣaghi:r merupakan isytiqa:q yang paling luas dan terperinci dibincangkan dalam perbahasan ilmu sarf.

Penulis juga akan menumpukan perbincangan isytiqa:q ṣaghi:r dalam perbincangan yang berkaitan imbuhan kata bahasa Arab.

### **3.3.2 Taṣri:f.**

Ilmu taṣri:f merupakan satu ilmu untuk mengetahui kaedah-kaedah menukarkan perkataan daripada satu bentuk kata kepada pelbagai bentuk yang lain dengan penambahan huruf, pembuangan huruf, perubahan baris, pergantian huruf dan penukaran huruf.

Menurut (Ahmad Hamla:wiyy, 2003:11) Taṣri:f ialah mengubah satu kata asal kepada pelbagai bentuk kata untuk mendapatkan makna yang dikehendaki dan makna tersebut tidak akan terhasil melainkan melalui proses tersebut, seperti ism fa:‘il, ism maf‘u:l, ism tafḍi:l, kata duaan, kata jama‘ dan lain-lain lagi.

Menurut (Fakhr al-Di:n Qaba:wāṭ, 1988:13), taṣri:f ialah menukarkan perkataan daripada satu bentuk kepada bentuk yang lain sama ada dengan menambah, mengurangkan, memadamkan, menukar baris perkataan, menggantikan (konsonan dengan konsonan yang lain ibda:l), menukarkan huruf vokal dengan vokal yang lain (‘i‘la:l) dan lain-lain lagi.

Taṣri:f dari segi istilah ialah ilmu asas untuk mengetahui keadaan pembentukan kata. Manakala taṣri:f dari segi praktikal iaitu proses pembentukan kata ialah proses mengubah satu kata asal kepada pelbagai bentuk kata untuk mendapatkan makna yang dikehendaki dan tidak terhasil makna tersebut melainkan dengan proses taṣri:f, seperti ism fa:‘il, ism maf‘ul, ism tafḍi:l, kata duaan, kata jama‘ dan lain-lain lagi.

Menurut (Umar bin Tha:bit al-thama:ni:niyy, 1999:212) taşri:f terbahagi kepada tiga bentuk, iaitu:

1. Penambahan.
2. Penguguran.
3. Penukaran.

Taşri:f dalam bentuk penambahan, terdapat dua bentuk iaitu penambahan huruf dan penambahan baris.

Contoh penambahan huruf ialah:

1. ضَارِبٌ ertinya: *pemukul*, perkataan tersebut terdapat penambahan satu huruf pada kata asal iaitu huruf alif /أ/.
2. مُكْرِمٌ ertinya: *yang mulia*, perkataan tersebut terdapat penambahan satu huruf pada kata asal iaitu huruf mi:m di awal kata /م/.
3. مَضْرُوبٌ ertinya: *yang dipukul*, perkataan tersebut terdapat penambahan dua huruf pada kata asal iaitu huruf mi:m di awal kata /م/ dan huruf wa:w /و/ sebelum akhir.

Manakala bentuk penambahan baris berlaku pada perkataan asal yang berbaris mati.

Contoh:

1. Perkataan نَهْرٌ setelah penambahan baris pada huruf yang berbaris mati menjadi نَهْرٌ.
2. Perkataan شَمْعٌ setelah penambahan baris pada huruf yang berbaris mati menjadi شَمْعٌ.

3. Perkataan **صَحْرٌ** setelah penambahan baris pada huruf yang berbaris mati menjadi **صَحْرٌ**.

Adapun taṣri:f dalam bentuk penguguran terdapat dua bentuk iaitu penambahan huruf dan penambahan baris.

Contoh penguguran huruf ialah:

1. **قَاضٍ** perkatan asal ialah **قَاضِي**.
2. **مُعْطٍ** perkatan asal ialah **مُعْطِي**.
3. **لَمْ يَبِعْ** perkatan asal fi‘il muḍa:ri‘ tersebut ialah **يَبِيعُ**, iaitu penguguran huruf ya:’ **/ي/**.
4. **لَمْ يَفْعَلْ** perkatan asal fi‘il muḍa:ri‘ tersebut ialah **يَفْعُولُ**, iaitu penguguran huruf wa:w **/و/**.
5. **لَمْ يَخَفْ** perkatan asal fi‘il muḍa:ri‘ tersebut ialah **يَخَافُ**, iaitu penguguran huruf alif **/ا/**.
6. **إِزْمِ** perkatan asal fi‘il amr tersebut ialah penguguran huruf ya:’ **/ي/**.
7. **أَدْغِ** perkatan asal fi‘il amr tersebut ialah penguguran huruf wa:w **/و/**.
8. **إِسْعِ** perkatan asal fi‘il amr tersebut ialah penguguran huruf alif **/ا/**.

Manakala contoh penguguran baris ialah:

1. **فَخِدُّ** baris bawah huruf pertengahan digugurkan menjadi **فَخِدُّ** .
2. **كَبِدٌ** baris bawah huruf pertengahan digugurkan menjadi **كَبِدٌ** .

3. عَضُدٌ baris bawah huruf pertengahan digugurkan menjadi عَضْدٌ .
4. كَتِفٌ baris bawah huruf pertengahan digugurkan menjadi كَتْفٌ .

Terdapat dua faktor berlakunya proses taṣri:f , iaitu:

- a. Faktor makna.
- b. Faktor lafaz.

**a. Faktor Makna.**

Menurut (Fakhr al-Di:n Qaba:waṭ, 1988:13), proses penukaran dalam sesuatu perkataan dilakukan untuk mendapatkan makna yang dikehendaki, seperti fi‘il yang menunjukkan kepada tiga masa, perbuatan tanpa kaitan dengan masa, ism fa‘il, ism maf‘u:l, mua’nath, muthanna, jama‘, taṣghi:r dan nisbah. Makna yang sesuai tidak boleh dihasilkan melaikan melalui proses penukaran atau perubahan pada perkataan tersebut. Satu perkataan akan membentuk pelbagai bentuk perkataan yang lain untuk mendapatkan makna yang sesuai untuk diucapkan. Contoh perkataan قَطَعَ ertinya: *memotong* daripada perkataan tersebut akan dibentuk pelbagai perkataan yang lain, iaitu:

1. قَطَعَ ditukarkan kepada يَقْطَعُ , dan ditukarkan kepada اِقْطَعُ .

Penukaran dilakukan untuk menghasilkan makna masa berlaku perbuatan tersebut.

قَطَعَ fi‘il ma:ḍi menunjukkan perbuatan telah berlaku, ertinya: *telah memotong*.

يَقْطَعُ fi‘il muḍa:ri‘, menunjukkan perbuatan tersebut sedang atau akan berlaku,

ertinya: *sedang memotong*. Manakala perkataan اِقْطَعُ fi‘il amar menunjukkan



perintah, ertinya: *potonglah*. Fi‘il amar menunjukkan perbuatan tersebut berlaku setelah ujaran perintah dilafazkan.

2. قَاطِعٌ ditukarkan kepada يُقَاطِعُ dan ditukarkan kepada قَاطِعٌ .

Penukaran dilakukan untuk menceritakan masa berlaku perbuatan.

قَاطِعٌ fi‘il ma:di menunjukkan perbuatan yang telah berlaku, ertinya: *telah saling memotong*. يُقَاطِعُ fi‘il muḍa:ri‘ menunjukkan perbuatan yang telah sedang atau akan, ertinya: *sedang saling memotong*. قَاطِعٌ fi‘il amar menunjukkan perintah, ertinya: *salinglah berpotongan*.

3. قَطَعَ ditukarkan kepada قَاطِعٌ , ditukarkan kepada مَقْطُوعٌ , ditukarkan kepada مَقْطَعٌ dan ditukarkan kepada مِقْطَعٌ .

قَطَعَ fi‘il ma:di iaitu menunjukkan perbuatan telah berlaku, ertinya: *telah memotong*. قَاطِعٌ ism fa:‘il iaitu menunjukkan pelaku perbuatan, ertinya: *pemotong*. مَقْطُوعٌ ism maf‘u:l iaitu menunjukkan objek yang berlaku perbuatan padanya, ertinya: *yang dipotong*. مَقْطَعٌ ism maka:n atau ism zama:n iaitu menunjukkan tempat atau masa berlaku perbuatan, ertinya: *tempat memotong* atau *masa memotong*. مِقْطَعٌ ism alat iaitu menunjukkan alat yang digunakan dalam melakukan perbuatan, ertinya: *alat memotong*.

4. أَقْطَعُ ditukarkan kepada يُقْطَعُ , dan ditukarkan kepada أَقْطَعُ .

Penukaran dilakukan untuk menceritakan masa berlaku perbuatan.

أَقْطَعُ fi‘il ma:di menunjukkan perbuatan telah berlaku, ertinya: *telah memotongkan*. يُقْطَعُ fi‘il muḍa:ri‘, ertinya: *sedang memotongkan*. أَقْطَعُ fi‘il amar menunjukkan perintah, ertinya: *potongkanlah*.

5. قَاطِعٌ ditukarkan kepada قَاطِعَةٌ .

Penukaran dilakukan untuk menunjukkan gender pelaku perbuatan.

قَاطِعٌ ism fa:'il (muzakkar iaitu menunjukkan pelaku lelaki) ertinya: *seorang pemotong lelaki*. قَاطِعَةٌ ism fa:'il (muanath iaitu menunjukkan pelaku perempuan) ertinya: *seorang pemotong perempuan*.

6. قَاطِعٌ ditukarkan kepada قَاطِعَانِ dan ditukarkan kepada قَاطِعُونَ .

Penukaran dilakukan untuk menunjukkan bilangan pelaku perbuatan.

قَاطِعٌ ism fa:'il (mufrad iaitu menunjukkan bilangan satu) ertinya: *seorang pemotong*. قَاطِعَانِ ism fa:'il (muthanna iaitu menunjukkan bilangan dua) ertinya: *dua orang pemotong*. قَاطِعُونَ ism fa:'il (jama' iaitu menunjukkan bilangan ramai) ertinya: *ramai pemotong*.

## b. Faktor Lafaz.

Proses penukaran dalam sesuatu perkataan juga dilakukan untuk mendapatkan lafaz yang sesuai, iaitu membentuk satu perkataan untuk memudahkan sebutan bagi perkataan yang sukar (keadaan sifat perkataan tersebut sukar dilafazkan). (Fakhr al-Di:n Qaba:wat, 1988:14), Contohnya dalam taşri:f mengubah sebahagian baris atau huruf dan menukarkan sebahagian bunyi huruf untuk mengelakkan sesuatu perkataan daripada sukar dilafazkan tanpa berlaku perubahan makna bagi perkataan tersebut. Contoh:

1. Fi'il عَوَدَ berat sebutannya kerana huruf wa:w berbaris selepas fathah (baris atas). Maka huruf wa:w ditukarkan kepada huruf alif untuk meringankan sebutan, maka jadilah perkataan عَادَ ertinya: *kembali*.
2. Ism إِصْطِلَاحٌ berat sebutannya kerana terdapat huruf ta:' selepas huruf şa:d yang berbaris mati. Maka huruf ta:' ditukarkan kepada huruf yang sesuai dengan huruf şa:d iaitu huruf řa:', maka jadilah perkataan إِصْطِلَاحٌ ertinya: *istilah*.

3. Fi‘il **اِسْتَمَدَّ** berat sebutannya kerana bertemu dua huruf da:l yang berbaris. Maka diringkankan dengan memindahkan baris da:l yang pertama kepada huruf yang berbaris mati sebelumnya dan huruf da:l dimasukkan kepada da:l yang kedua, maka jadilah perkataan **اِسْتَمَدَّ** ertinya: *meminta bantuan atau pertolongan*.

### **3.3.3 Hubungkait antara Isytiqa:q dengan Taşri:f.**

Isytiqa:q dan taşri:f dua kaedah dalam pembentukan kata daripada kata asal. Isytiqa:q dan taşri:f saling berkaitan antara satu sama lain dan saling lengkap melengkapi. Ibn Jinniy menjelaskan bahawa taşri:f adalah pola kata bahasa Arab untuk mengetahui asal kata bahasa Arab daripada huruf tambahan yang berlaku padanya dan tidak boleh mengenali isytiqa:q melainkan dengan mengenali ilmu taşri:f. (Al-Muşannif, 1954:2-4)

Menurut Mubarak, isytiqa:q adalah perbincangan dalam ruang lingkup kata asal dalam pembentukan kata yang baru. Manakala taşri:f perbincangan dalam ruang lingkup proses pembentukan kata untuk memberikan makna tambahan. Walau bagaimanapun menurut beliau, kedua-duanya saling berkaitan untuk mengenali antara satu sama lain. (Al-Mubarak, 1981:75)

Terdapat hubungan antara isytiqa:q dan taşri:f dari segi khusus dan umum. Isytiqa:q lebih khusus daripada taşri:f, kerana isytiqa:q hanya membincangkan kata yang terdapat kaedah pembentukan kata, akan tetapi taşri:f lebih umum kerana membincangkan kata yang terdapat kaedah pembentukan kata dan juga membincangkan yang tiada kaedah pembentukan kata. (Jalaluddin Al-Sayutiyy, tt, Vol 1:351)


Berdasarkan beberapa pendapat yang telah dinyatakan bolehlah disimpulkan bahawa isytiqa:q ialah menerbitkan sesuatu kata daripada satu kata asal yang lain melalui proses

penambahan huruf untuk tujuan menerbitkan kata baru dengan makna yang baru. Manakala taṣri:f ialah menerbitkan sesuatu kata daripada satu kata asal yang lain melalui proses penambahan huruf, gandaan huruf, pergantian huruf, pergantian konsonan dan vokal untuk tujuan menerbitkan kata baru dan makna baru, pengembangan makna dan juga bertujuan untuk mudah dilafazkan.

Perbincangan isytiqa:q lebih khusus dan tidak luas jika dibandingkan dengan konsep taṣri:f. Walau bagaimanapun dua konsep ini saling berkaitan dan saling lengkap melengkapi dalam pembentukan kata. Manakala mengenai taṣri:f lebih umum dan luas dalam pembentukan kata seperti yang telah dijelaskan dalam perbincangan faktor berlakunya taṣri:f.

Manakala jika meneliti berdasarkan penggunaan istilah dalam disiplin ilmu morfologi bahasa Arab istilah isytiqa:q digunakan dalam perbincangan kata nama iaitu perkataan dalam penelitian tetap atau pembentukan daripada kata lain terbahagi kepada dua bahagian, iaitu ja:mid dan musyta:q. Manakala istilah taṣri:f digunakan dalam perbincangan kata kerja iaitu perkataan dalam penelitian terdapat huruf tambahan atau tidak terdapat huruf tambahan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu ja:mid dan mutaṣarrif.

Hubungkait antara isytiqa:q dengan taşri:f boleh dijelaskan berdasarkan gambar rajah 3.1, iaitu isytiqa:q adalah terbatas kepada isim manakala konsep taşri:f lebih luas dan menyeluruh.



**Rajah 3.1: kaitan antara isytiqa:q dengan taşri:f .**

### 3.4 IMBUHAN KATA NAMA.

Dalam perbincangan imbuhan kata nama, penulis akan membincangkan imbuhan kata nama yang berkaitan dengan isytiqa:q ṣaḡhi:r yang dibincangkan dalam bidang ilmu morfologi bahasa Arab, iaitu:

1. Ism Fa:‘il (اسْمُ الْفَاعِلِ).
2. Ṣiḡat Muba:laghāt (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ).
3. Al-Ṣifaṭ al-Musyabbahāt (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ).
4. Ism Maf‘u:l (اسْمُ الْمَفْعُولِ).
5. Ism al-Tafḍil (اسْمُ التَّفْضِيلِ).
6. Ism Maka:n dan Ism Zama:n (اسْمُ الْمَكَانِ و اسْمُ الزَّمَانِ).
7. Ism A:laṭ (اسْمُ الْأَلَةِ).

Penulis membataskan perbincangan imbuhan kata nama dengan membincangkan perbincangan yang kebiasaan dibincangkan oleh majoriti ahli morfologi bahasa Arab, iaitu tujuh bahagian seperti yang telah dinyatakan. Tujuh bahagian perbincangan tersebut merupakan perbincangan yang sangat penting dan perlu dikuasai bagi para pelajar yang ingin mempelajari bahasa Arab.

### 3.4.1 Ism Fa:'il.

Ism fa:'il ialah satu kata nama yang dibentuk daripada kata kerja ma'lu:m untuk menunjukkan pelaku bagi sesuatu perbuatan. Contoh perkataan كَاتِبٌ ertinya: *penulis* adalah ism fa:'il iaitu menunjukkan siapa yang melakukan perbuatan menulis. (Abduh Al-Ra:jihyy, 1999:66). Pembentukan ism fa:'il boleh dibentuk daripada fi'il tiga huruf dan juga fi'il yang bukan tiga huruf, sama ada fi'il-fi'il tiga huruf yang terdapat penambahan huruf atau fi'il yang terdiri daripada empat huruf dan terdapat penambahan huruf.

a. Bagi fi'il tiga huruf pola kata ism fa:'il ialah فَاعِلٌ /fa:'ilun/, dan pembentukan kata adalah seperti berikut:

i. Jika fi'il tiga huruf asal maka ism fa:'il mengunaka pola kata فَاعِلٌ /fa:'ilun/.

Contoh:

1. كَتَبَ ertinya: *menulis*, manakala ism fa:'il ialah كَاتِبٌ ertinya: *penulis*.
2. لَعِبَ ertinya: *bermain*, manakala ism fa:'il ialah لَاعِبٌ ertinya: *pemain*.
3. سَأَلَ ertinya: *bertanya*, manakala ism fa:'il ialah سَائِلٌ ertinya: *penanya*.

ii. Jika fi'il ajwaf iaitu 'ain fi'ilnya adalah huruf alif //, maka huruf alif // ditukarkan kepada hamzat /ء/ pada pembentukan ism fa:'il.

Contoh:

1. قَالَ ertinya: *berkata*, manakala ism fa:'il ialah قَائِلٌ ertinya: *yang berkata*.
2. بَاعَ ertinya: *menjual*, manakala ism fa:'il ialah بَائِعٌ ertinya: *penjual*.
3. دَارَ ertinya: *mengelilingi*, manakala ism fa:'il ialah دَائِرٌ ertinya: *yang mengelilingi*.

- iii. Jika fi‘il ajwaf iaitu ‘ain fi‘ilnya adalah huruf wa:w /و/ atau huruf ya:’ /ي/. Maka mestilah dikekalkan seperti ism fa:‘il.

Contoh:

1. عَوَّجَ ertinya: *memesong*, manakala ism fa:‘il ialah عَاوَجٌ ertinya: *pemesong*.
2. حَيَّدَ ertinya: *menyimpang*, manakala ism fa:‘il ialah حَايِدٌ ertinya: *yang menyimpang*.
3. حَوَّلَ ertinya: *merubah*, manakala ism fa:‘il ialah حَاوِلٌ ertinya: *yang berubah*.

- iv. Jika fi‘il na:qis, iaitu perkataan yang terdapat huruf illah diakhirnya maka ism fa:‘il mengikut keadaan ism manqu:ş. Huruf ya:’ /ي/ iaitu huruf illah diakhir mesti dibuang ketika keadaan rafa‘ dan jar. Manakala ketika keadaan nasab dikekalkan huruf ya:’ /ي/ tersebut.

Contoh:

1. دَعَا ertinya: *menyeru*, manakala ism fa:‘il ialah دَاعٍ ertinya: *penyeru*.
2. مَشَى ertinya: *berjalan kaki*, manakala ism fa:‘il ialah مَاشٍ ertinya: *pejalan kaki*.
3. رَضِيَ ertinya: *redha*, manakala ism fa:‘il ialah رَاضٍ ertinya: *yang redha*.

- b. Manakala fi‘il yang bukan tiga huruf pembentukan ism fa:‘il dilakukan mengikut pola kata fi‘il muḍa:ri‘ dengan melakukan penukaran huruf muḍa:ra‘at kepada huruf mi:m /م/ yang berbaris ḍammah dan huruf sebelum akhir berbaris bawah.

Antara pola katanya ialah:

- i. مُفَعَّلٌ fi‘il muḍa:ri‘ يُفَعِّلُ, manakala ism fa:‘il ialah مُفَعِّلٌ.

Contoh:

1. عَلَّمَ ertinya: *mengajarkan*, fi‘il muḍa:ri‘ يُعَلِّمُ. Manakala ism fa:‘il ialah مُعَلِّمٌ ertinya: *pengajar*.



2. يُدْرِبُ ertinya: *melatihkan*, fi' il muḍa:ri' دَرَّبَ , manakala ism fa:'il ialah مُدَرَّبٌ ertinya: *pelatih*.

ii. يُفَاعِلُ fi' il muḍa:ri' فَاعَلَ , manakala ism fa:'il ialah مُفَاعِلٌ.

Contoh:

1. يُسَأَلُ ertinya: *bertanya*, fi' il muḍa:ri' سَأَلَ . Manakala ism fa:'il ialah مُسَأَلٌ ertinya: *yang bertanya*.

2. يُسَاعِدُ ertinya: *membantu*, fi' il muḍa:ri' سَاعَدَ . Manakala ism fa:'il ialah مُسَاعِدٌ ertinya: *pembantu*.

iii. يَنْفَعِلُ fi' il muḍa:ri' انْفَعَلَ , manakala ism fa:'il ialah مُنْفَعِلٌ.

Contoh:

1. يَنْكَسِرُ ertinya: *pecah*, fi' il muḍa:ri' انْكَسَرَ . Manakala ism fa:'il ialah مُنْكَسِرٌ ertinya: *yang pecah*.

2. يَنْقَطِعُ ertinya: *terpotong*, fi' il muḍa:ri' انْقَطَعَ . Manakala ism fa:'il ialah مُنْقَطِعٌ ertinya: *yang terpotong*.

iv. يَفْتَعِلُ fi' il muḍa:ri' افتَعَلَ , manakala ism fa:'il ialah مُفْتَعِلٌ.

Contoh:

1. يَسْتَمِعُ ertinya: *mendengar*, fi' il muḍa:ri' اسْتَمَعَ . Manakala ism fa:'il ialah مُسْتَمِعٌ ertinya: *yang mendengar*.

2. يَجْتَهِدُ ertinya: *bersungguh-sungguh*, fi' il muḍa:ri' اجْتَهَدَ . Manakala ism fa:'il ialah مُجْتَهِدٌ ertinya: *yang bersungguh-sungguh*.

v. يَتَفَعَّلُ fi' il muḍa:ri' تَفَعَّلَ , manakala ism fa:'il ialah مُتَفَعِّلٌ.

Contoh:

1. تَكَلَّمَ ertinya: *berkata-kata*, fi' il muḍa:ri' يَتَكَلَّمُ . Manakala ism fa:'il ialah مُتَكَلِّمٌ ertinya: *yang berkata-kata*.
2. تَوَضَّأَ ertinya: *berwuduk*, fi' il muḍa:ri' يَتَوَضَّأُ . Manakala ism fa:'il ialah مُتَوَضِّئٌ ertinya: *yang berwuduk*.

vi. تَفَاعَلَ fi' il muḍa:ri' يَتَفَاعَلُ , manakala ism fa:'il ialah مُتَفَاعِلٌ.

Contoh:

1. تَصَادَقَ ertinya: *saling membenarkan*, fi' il muḍa:ri' يَتَصَادَقُ . Manakala ism fa:'il ialah مُتَصَادِقٌ ertinya: *yang saling membenarkan*.
2. تَقَاتَلَ ertinya: *berbunuhan*, fi' il muḍa:ri' يَتَقَاتَلُ . Manakala ism fa:'il ialah مُتَقَاتِلٌ ertinya: *yang berbunuhan*.

vii. اسْتَفْعَلَ fi' il muḍa:ri' يَسْتَفْعِلُ , manakala ism fa:'il ialah مُسْتَفْعِلٌ.

Contoh:

1. اسْتَعْفَرَ ertinya: *meminta maaf*, fi' il muḍa:ri' يَسْتَعْفِرُ . Manakala ism fa:'il ialah مُسْتَعْفِرٌ ertinya: *peminta maaf*.
2. اسْتَقْبَلَ ertinya: *menyambut*, fi' il muḍa:ri' يَسْتَقْبِلُ . Manakala ism fa:'il ialah مُسْتَقْبِلٌ ertinya: *penyambut*.

viii. فَعَّلَ fi' il muḍa:ri' يُفَعِّلُ , manakala ism fa:'il ialah مُفَعِّلٌ.

Contoh:

1. زَلَزَلَ ertinya: *menggoncangkan*, fi' il muḍa:ri' يُزَلِّزِلُ . Manakala ism fa:'il ialah مُزَلِّزِلٌ ertinya: *penggoncang*.

2. *يُدَخِّرُ* ertinya: *menggolekkan*, fi' il muḍa:ri' *دَخَّرَ*. Manakala ism fa:'il ialah *مُدَخَّرٌ* ertinya: *yang menggolekkan*.

c. Terdapat juga ism fa:'il yang tidak mengikut kaedah seperti yang dijelaskan sebelum ini namun bilangannya sangat sedikit. (Abduh Al-Ra:jihiyy, 1999:67).

Contoh:

1. *أَسْهَبٌ* ertinya: *berhujah dengan panjang lebar*, manakala ism fa:'il ialah *مُسْهَبٌ* ertinya: *yang berhujah dengan panjang lebar*. Jika mengikut kaedah adalah *مُسْهَبٌ* iaitu huruf ha' /ه/ berbaris bawah.
2. *أَخْصَنَ* ertinya: *menikah*, manakala ism fa:'il ialah *مُخْصِنٌ* ertinya: *berkahwin atau yang telah menikah*. Jika mengikut kaedah adalah *مُخْصِنٌ* iaitu huruf ṣa:d /ص/ berbaris bawah.

### 3.4.2 Ṣiḡhaṭ Muba:laghaṭ.

Ṣiḡhaṭ muba:laghaṭ ialah isim yang dibentukkan daripada fi‘il untuk menunjukkan pelaku perbuatan berserta terdapat kekuatan, berlebihan atau bersangatan pada makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Ṣiḡhaṭ Muba:laghaṭ hanya dibentuk daripada fi‘il tiga huruf. (Abduh Al-Ra:jihiyy, 1999:68). Terdapat lima pola kata yang biasa digunakan bagi ṣiḡhaṭ muba:laghaṭ, iaitu:

a. Pola kata فَعَّالٌ /fa‘‘a:lun/.

Contoh:

1. عَلَّامٌ ertinya: *yang sangat mengetahui.*
2. سَقَّاحٌ ertinya: *yang banyak menumpahkan darah.*
3. أَكَّالٌ ertinya: *yang banyak makan.*

b. Pola kata مِفْعَالٌ /mif‘a:lun/.

Contoh:

1. مِقْدَامٌ ertinya: *yang amat berani.*
2. مِفْرَاحٌ ertinya: *yang amat bergembira.*
3. مِسْمَاحٌ ertinya: *yang banyak bersikap pemaaf atau toleransi.*

c. Pola kata فَعُولٌ /fa‘u:lun/.

Contoh:

1. شَكُّورٌ ertinya: *yang banyak bersyukur.*
2. صَبُّورٌ ertinya: *yang banyak bersabar.*
3. ضَرُّوبٌ ertinya: *yang banyak memukul.*

d. Pola kata فَعِيلٌ /fa‘i:lun/.

Contoh:

1. عَلِيمٌ ertinya: *yang sangat mengetahui.*
2. نَصِيرٌ ertinya: *yang banyak menolong.*
3. سَمِيعٌ ertinya: *yang sangat mendengar.*

e. Pola kata فَعِيلٌ /fa‘ilun/.

Contoh:

1. حَذِرٌ ertinya: *yang sangat berhati-hati.*
2. فَطِنٌ ertinya: *yang sangat bijaksana.*
3. لَبِيقٌ ertinya: *yang sangat mahir berkomunikasi atau berdiplomasi.*

Terdapat beberapa pola kata yang lain bagi ṣiḥaṭ al-muba:laghaṭ, tetapi amat sedikit bilangannya. Ahli morfologi bahasa Arab terdahulu berpendapat, pola kata selain yang disebutkan di atas hanya mengikut kebiasaan didengari sahaja dan tidak terdapat kaedah yang tertentu, antaranya ialah:

a. فَاعُولٌ /fa:‘u:lun/.

Contoh: فَرَقٌ ertinya: *takut atau bimbang.* فَارُوقٌ ertinya: *yang terlalu takut atau pengecut.*

b. فِعْيَالٌ /fi‘‘i:lun/.

Contoh: صَدَقٌ ertinya: *bercakap benar.* صِدِّيقٌ ertinya: *yang sentiasa bercakap benar.*

c. مُفْعِيلٌ /mif‘i:lun/.

Contoh: عَطِرٌ ertinya: *memakai wangian.* مِعْطِرٌ ertinya: *banyak memakai wangian.*

d. فُعَلَةٌ /fu‘alatun/.

Contoh: هَمَزٌ ertinya: *mencela*. هُمَزَةٌ ertinya: *yang suka mencela*.

e. فُعَالٌ /fu‘‘a:lun/.

Contoh: كَبِيرٌ ertinya: *besar*. كَبِيرٌ ertinya: *yang terlalu besar*.

### 3.4.3 Al-Şifaṭ al-Musyabbahaṭ.

Al-Şifaṭ al-musyabbahaṭ merupakan kata nama yang membawa maksud pelaku perbuatan tetapi tidak mengikut kaedah seperti ism fa:‘il. Al- Şifaṭ al-musyabbahaṭ merupakan kata nama yang dibentuk daripada kata kerja tak transitif untuk menunjukkan sifat pelaku perbuatan yang diceritakan dengan sifat yang tetap atau hampir sentiasa berlaku. (Muhammad Ba:sal ‘Ayu:n al-Su:d, 2000:51). Dinamakan al-şifaṭ al-musyabbahaṭ kerana menyerupai makna ism fa:‘il. Ahli morfologi bahasa Arab menyatakan bahawa al-şifaṭ al-musyabbahaṭ berbeza dengan ism fa:‘il dari sudut sifatnya yang tetap. (Abduh Al-Ra:jihyy, 1999:69).

Terdapat perkataan-perkataan tertentu dalam bahasa Arab tidak boleh mengikut kaedah-kaedah seperti yang dibincangkan sebelum ini dalam tajuk ism fa:‘il. (Md Zubir Osman, 2005:124). Antara perkataan yang tidak mengikut kaedah ism fa:‘il seperti dalam jadual berikut:

**Rajah 3.2: Jadual perkataan yang tidak mengikut kaedah ism fa:‘il.**

No	Fi‘il ma:ḍi	Fi‘il muḍa:ri‘	Ism fa:‘il	Al-şifaṭ al-musyabbahaṭ
			Salah	Betul
1	فَرِحَ	يَفْرَحُ	فَارِحٌ	فَرِحٌ
2	عَرَجَ	يَعْرَجُ	عَارِجٌ	أَعْرَجٌ
3	شَرَفَ	يَشْرَفُ	شَارِفٌ	شَرِيفٌ
4	شَجَعُ	يَشْجَعُ	شَاجِعٌ	شُجَاعٌ
5	حَسَنَ	يَحْسُنُ	حَاسِنٌ	حَسَنٌ

Perkataan yang tidak mengikut kaedah ism fa:‘il dan perkataan tersebut adalah golongan kata nama al-şifaṭ al-musyabbahaṭ.

Perbezaan antara al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ dengan ism fa:‘il ialah; al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ menunjukkan sifat yang tetap.

Contoh:

1. أَجْنُدِي شَجَاعٌ ertinya: *Tentera itu berani*.

Sifat berani yang dimiliki oleh tentera tersebut tetap tanpa mengira waktu.

Manakala ism fa:‘il ialah menunjukkan sifat hanya terjadi semasa berlaku perbuatan.

Contoh:

1. أَجْنُدِي مُقَاتِلٌ ertinya: *Tentera itu berperang*.

Menunjukkan perbuatan berperang hanya berlaku ketika peperangan sahaja.

Terdapat beberapa pola kata al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ yang biasa digunakan, antaranya ialah:

- a. Jika kata kerja berwazan فَعِلَ /fa‘ila/ maka al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ dibentuk dengan tiga pola kata, iaitu:
  - i. فَعِلٌ /fa‘ilun/ dan jika menunjukkan mu’annath menggunakan wazan فَعِلَةٌ /fa‘ilatun/.

Contoh:

1. فَرِحَ ertinya: *bergembira*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah فَرِيحٌ dan mu’annath فَرِيحَةٌ ertinya: *yang bergembira*.
2. طَرِبَ ertinya: *berseronok*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah طَرِبٌ dan mu’annath طَرِيْبَةٌ ertinya: *yang berseronok*.
3. بَطَرَ ertinya: *menyombong*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah بَطْرٌ dan mu’annath بَطْرَةٌ ertinya: *yang sombong atau tidak bersyukur*.



- ii. فَعْلَاءُ /af‘alu/ dan jika menunjukkan mu’annath menggunakan pola kata فَعْلَاءُ /fa‘la’u/.

Contoh:

1. عَوْرٌ ertinya: *bermata satu*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah أَعْوُرٌ dan mu’annath عَوْرَاءُ ertinya: *yang bermata satu*.
2. جَهْرٌ ertinya: *tidak dapat melihat pada siang hari*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah أَجْهَرٌ dan mu’annath جَهْرَاءُ ertinya: *yang tidak dapat melihat pada siang hari*.
3. عَرَجٌ ertinya: *tempang*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah أَعْرَجٌ dan mu’annath عَرَجَاءُ ertinya: *yang tempang*.

- iii. فَعْلَانُ /fa‘la:nu/ dan jika menunjukkan mu’annath menggunakan فَعْلَى /fa‘la:/.

Contoh:

1. عَضِبَ ertinya: *marah*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah عَضْبَانٌ dan mu’annath عَضِبَى ertinya: *yang pemarah*.
2. عَطِشَ ertinya: *haus atau dahaga*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah عَطِشَانٌ dan mu’annath عَطِشَى ertinya: *yang haus atau dahaga*.
3. يَقِظَ ertinya: *waspada*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah يَقِظَانٌ dan mu’annath يَقِظَى ertinya: *yang berwaspada*.

- b. Jika kata kerja berwazan فَعْلٌ /fa‘ula/ maka al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ dibentuk daripada lima pola kata berikut, iaitu:

- i. فَعْلَانُ /fa‘alun/.

Contoh: حَسَنٌ ertinya: *baik*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah حَسَنٌ ertinya:

*Yang baik*.

ii. فُعُلٌ /fu‘ulun/.

Contoh: جُنُبٌ ertinya: *jauh*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah جُنُبٌ ertinya: *yang jauh*.

iii. فَعَالٌ /fa‘a:lun/.

Contoh: جَبَنٌ ertinya: *takut*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah جَبَانٌ ertinya: *yang penakut*.

iv. فَعُولٌ /fa‘u:lun/.

Contoh: وَفَّرٌ ertinya: *berwibawa*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah وَفُورٌ ertinya: *yang berwibawa*.

v. فَعَالٌ /fa‘a:lun/.

Contoh: شَجَعٌ ertinya: *berani*, manakala al-ṣifaṭ al-musyabbahaṭ ialah شَجَاعٌ ertinya: *yang berani*.

### 3.4.4 Ism Maf'u:l.

Ism maf'u:l ialah ism yang dibentuk daripada kata kerja yang tidak disebut pelakunya untuk menunjukkan kepada siapa perbuatan tersebut dilakukan. (Abdul Aziz Muhammad Fakhir, 1998:55). Pembentukan ism maf'u:l boleh dibentuk daripada fi'il tiga huruf dan juga fi'il yang bukan tiga huruf, sama ada fi'il-fi'il tiga huruf yang terdapat penambahan huruf atau fi'il yang terdiri daripada empat huruf dan terdapat penambahan huruf.

a. Bagi kata tiga huruf pembentukan ism maf'u:l menggunakan pola kata berikut, iaitu:

i. Jika fi'il tiga huruf maka ism maf'u:l menggunakan pola kata مَفْعُولٌ /maf'u:lun/.

Contoh:

1. أَكَلَ ertinya: *Makan*, manakala maf'u:l ialah مَأْكُولٌ ertinya: *Makanan atau benda yang dimakan*.
2. قَتَلَ ertinya: *membunuh*, manakala maf'u:l ialah مَقْتُولٌ ertinya: *yang dibunuh*.
3. شَرِبَ ertinya: *minum*, manakala ism maf'u:l ialah مَشْرُوبٌ ertinya: *minuman atau benda yang diminum*.
4. ضَرَبَ ertinya: *memukul*, manakala ism maf'u:l ialah مَضْرُوبٌ ertinya: *yang dipukul*.
5. فَتَحَ ertinya: *membuka*, manakala ism maf'u:l ialah مَفْتُوحٌ ertinya: *yang dibuka*.

ii. Jika fi'il ajwaf iaitu 'ain fi'ilnya adalah huruf alif /ا/, maka perkataan tersebut mestilah mengikut pola kata fi'il muḍa:ri' berserta ditukarkan huruf muḍa:ra' at pada huruf mi:m /م/.

Contoh:

1. قَالَ ertinya: *berkata*, fi'il muḍa:ri' يَقُولُ . Manakala ism maf'u:l ialah مَقُولٌ ertinya: *yang dikatakan*.
2. بَاعَ ertinya: *menjual*, fi'il muḍa:ri' يَبِيعُ . Manakala ism maf'u:l ialah مَبِيعٌ ertinya: *yang dijual*.
3. بَاتَ ertinya: *bermalam*, fi'il muḍa:ri' يَبِيتُ . Manakala ism maf'u:l ialah مَبِيتٌ ertinya: *Yang bermalam*.

- iii. Jika fi'il, iaitu perkataan yang terdapat huruf illah diakhirnya maka ism maf'u:l mengikut keadaan fi'il muḍa:ri'. Ketika keadaan rafa' dan jar pembuangan huruf ya:' diakhir mesti dilakukan. Manakala ketika keadaan nasab dikekalkan huruf ya:' tersebut.

Contoh:

1. دَنَا ertinya: *mendekati*, fi'il muḍa:ri' يَدْنُو . Manakala ism maf'u:l ialah مَدْنُوٌ ertinya: *yang didekati*.
2. طَوَى ertinya: *melipat*, fi'il muḍa:ri' يَطْوِي . Manakala ism maf'u:l ialah مَطْوِيٌّ ertinya: *yang dilipat atau gulung*.
3. وَقَى ertinya: *menjaga*, fi'il muḍa:ri' يَقِي . Manakala ism maf'u:l ialah مَقِيٌّ ertinya: *yang dijaga*.

- b. Manakala jika bukan daripada kata tiga huruf pembentukan kata dilakukan dengan menggunakan pola kata fi'il muḍa:ri' majhu:l kemudian ditukarkan huruf muḍa:ra'aṭ kepada huruf mi:m /م/ dan huruf sebelum akhir iaitu 'ain fi'il /ع/ berbaris atas. (Abdul Aziz Muhammad Fakhir, 1998:56). Antara pola katanya ialah:

- i. فَعَّلَ fi'il muḍa:ri' يُفَعِّلُ , manakala ism maf'u:l ialah مُفَعَّلٌ.

Contoh:

1. مُنَظَّمٌ ertinya: *disusun*, fi'il muḍa:ri' يُنَظِّمُ . Manakala ism maf'u:l ialah مُنَظَّمٌ ertinya: *yang disusun*.

- ii. مُفَاعَلٌ fi'il muḍa:ri' يُفَاعَلُ , manakala ism maf'u:l ialah مُفَاعَلٌ.

Contoh:

1. مُشَاهَدٌ ertinya: *dilihat*, fi'il muḍa:ri' يُشَاهِدُ . Manakala ism maf'u:l ialah مُشَاهَدٌ ertinya: *yang dilihat*.

- iii. مُنْفَعَلٌ fi'il muḍa:ri' يُنْفَعَلُ , manakala ism maf'u:l ialah مُنْفَعَلٌ.

Contoh:

1. مُنْكَسِرٌ ertinya: *dipecah*, fi'il muḍa:ri' يُنْكَسِرُ . Manakala ism maf'u:l ialah مُنْكَسِرٌ ertinya: *benda yang dipecah*.

- iv. مُفْتَعَلٌ fi'il muḍa:ri' يُفْتَعَلُ , manakala ism maf'u:l ialah مُفْتَعَلٌ.

Contoh:

1. مُقْتَرَبٌ ertinya: *didekatkan*, fi'il muḍa:ri' يُقْتَرَبُ . Manakala ism maf'u:l ialah مُقْتَرَبٌ ertinya: *yang didekatkan*.

- v. مُتَّفَعَلٌ fi'il muḍa:ri' يُتَّفَعَلُ , manakala ism maf'u:l ialah مُتَّفَعَلٌ.

Contoh:

1. مُتَّسَلَمٌ ertinya: *diterima*, fi'il muḍa:ri' يُتَّسَلَمُ . Manakala ism maf'u:l ialah مُتَّسَلَمٌ ertinya: *yang diterima*.

vi. مُتَفَاعَلٌ fi‘il muḍa:ri‘ يُتَفَاعَلُ , manakala ism maf‘u:l ialah مُتَفَاعَلٌ.

Contoh:

1. تُؤَوَّرَثُ ertinya: *dipusakai*, fi‘il muḍa:ri‘ يُتَوَارَثُ . Manakala ism maf‘u:l ialah مُتَوَارَثٌ ertinya: *yang diberi pusaka*.

vii. اسْتُغْفِرَ fi‘il muḍa:ri‘ يُسْتَفْعَلُ , manakala ism maf‘u:l ialah مُسْتَفْعَلٌ.

Contoh:

1. اسْتُغْفِرَ ertinya: *dimaafkan*, fi‘il muḍa:ri‘ يُسْتَعْفَرُ . Manakala ism maf‘u:l ialah مُسْتَعْفَرٌ ertinya: *yang dimaafkan*.

viii. مُفَعَّلٌ fi‘il muḍa:ri‘ يُفَعَّلُ , manakala ism maf‘u:l ialah مُفَعَّلٌ.

Contoh:

1. زُلْزِلَ ertinya: *digoncangkan*, fi‘il muḍa:ri‘ يُزَلْزَلُ . Manakala ism maf‘u:l ialah مُزَلْزَلٌ ertinya: *yang digoncangkan*.

c. Terdapat juga fi‘il tiga huruf yang tidak mengikut kaedah asal dalam pembentukan ism maf‘u:l.

Contoh:

1. جَرِيحٌ mengikut kaedah asal ialah جُرُوحٌ ertinya: *yang luka*.
2. قَتِيلٌ mengikut kaedah asal ialah مَقْتُولٌ ertinya: *yang dibunuh*.

Pembentukan ism maf‘u:l tersebut menggunakan pola kata فَعِيلٌ /fa‘i:lun/, dan penggunaannya adalah sama bagi muzakkar dan muannath. (Abbas Al-Muna:ṣaraṭ, 2000:143).

### 3.4.5 Ism al-tafđi:l (اسم التفضيل).

Ism al-Tafđi:l ialah kata nama yang dibentuk daripada kata kerja dengan menggunakan pola kata أَفْعَلُ /af‘alu/ bagi muzakkar dan pola kata فُعَلَى /fu‘la:/ bagi mu’annath, untuk menunjukkan sesuatu yang berkongsi sifat yang sama pada sesuatu benda dan salah satu di antaranya melebihi yang lain. (Muhammad Ba:sal ‘Ayu:n al-Su:d, 2000:51). Pembentukan ism al-tafđi:l menggunakan pola kata أَفْعَلُ /af‘alu/, iaitu terdapat penambahan huruf alif /ا/ di pangkal kata asal. Penambahan huruf tersebut telah memberikan perubahan makna iaitu menunjukkan makna perbandingan antara dua perkara.

Contoh:

1. سَهْلٌ ertinya: *mudah*, manakala ism al-tafđi:l ialah أَسْهَلٌ ertinya: *lebih mudah*.

Penggunaan dalam ayat اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ أَسْهَلُ مِنَ اللُّغَةِ الْيَابَانِيَّةِ ertinya: *bahasa Arab lebih mudah daripada bahasa Jepun*.

2. حَسَنٌ ertinya: *baik*, manakala ism al-tafđi:l ialah أَحْسَنُ ertinya: *lebih baik*.

Penggunaan dalam ayat الرَّجُلُ الْقَوِيُّ أَحْسَنُ مِنَ الرَّجُلِ الضَّعِيفِ ertinya: *lelaki yang kuat lebih baik daripada lelaki yang lemah*.

3. سَرِعٌ ertinya: *cepat*, manakala ism al-tafđi:l ialah أَسْرَعُ ertinya: *lebih cepat*.

Penggunaan dalam ayat الطَّائِرَةُ أَسْرَعُ مِنَ الْقِطَارِ ertinya: *kapal terbang lebih cepat daripada keretapi*.

4. كَبِيرٌ ertinya: *besar*, manakala ism al-tafđi:l ialah أَكْبَرُ ertinya: *lebih besar*.

Penggunaan dalam ayat الشَّمْسُ أَكْبَرُ مِنَ الْأَرْضِ ertinya: *Matahari lebih besar daripada bumi*.

Ayat-ayat tersebut jelas menunjukkan salah satu objek terdapat kelebihan berbanding dengan satu objek yang satu lagi.

Manakala ism al-tafdil yang mu'annath menggunakan pola kata فُعَلَى /fu'la:/ .

Contoh:

1. حَسَنٌ ertinya: *baik*, ism al-tafdil ialah أَحْسَنُ ertinya: *lebih baik*. Manakala ism al-tafdil mu'annath ialah حُسْنَى .
2. كَبِيرٌ ertinya: *besar*, ism al-tafdil ialah أَكْبَرُ ertinya: *lebih besar*. Manakala ism al-tafdil mu'annath ialah كُبْرَى .
3. فَضْلٌ ertinya: *baik*, ism al-tafdil ialah أَفْضَلُ ertinya: *lebih baik*. Manakala ism al-tafdil mu'annath ialah فُضْلَى .
4. صَغُرٌ ertinya: *kecil*, ism al-tafdil ialah أَصْغَرُ ertinya: *lebih kecil*. Manakala ism al-tafdil mu'annath ialah صُغْرَى .
5. عَلَا ertinya: *tinggi*, ism al-tafdil ialah أَعْلَى ertinya: *lebih tinggi*. Manakala ism al-tafdil mu'annath ialah عُلْيَا .

Walau bagaimanapun bukan semua ism al-tafdil terdapat pola kata mu'annath. Antara ism al-tafdil yang tidak terdapat pola kata mu'annath ialah:

Contoh:

1. شَرُفٌ ertinya: *mulia*, ism al-tafdil ialah أَشْرَفُ ertinya: *lebih mulia* dan ism al-tafdil mu'annath juga أَشْرَفٌ .
2. عَلِمَ ertinya: *mengetahui*, ism al-tafdil ialah أَعْلَمُ ertinya: *lebih mengetahui* dan ism al-tafdil mu'annath juga أَعْلَمٌ .
3. نَفَعٌ ertinya: *bermanfaat*, ism al-tafdil ialah أَنْفَعُ ertinya: *lebih bermanfaat* dan ism al-tafdil mu'annath juga أَنْفَعٌ .



### 3.4.6 Ism Maka:n dan Ism Zama:n.

Ism maka:n dan ism zama:n kedua-duanya mempunyai pola kata yang sama. Ism maka:n ialah ism yang menunjukkan tempat berlakunya perbuatan, manakala ism zama:n pula ialah ism yang menunjukkan masa berlaku perbuatan.

Pola kata ism maka:n dan ism zama:n adalah seperti berikut, iaitu:

a. Jika kata nama berbentuk tiga huruf asal, maka menggunakan dua jenis pola kata, iaitu مَفْعِلٌ /maf‘ilun/ dan مَفْعَلٌ /maf‘alun/.

i. Pola kata مَفْعِلٌ /maf‘ilun/.

Ism maka:n dan ism zama:n yang dibentuk menggunakan pola kata مَفْعِلٌ /maf‘ilun/ adalah daripada kata kerja yang berbentuk kata kerja *mitha:l* iaitu huruf fa’ fi’il adalah huruf wa:w /و/.

Contoh:

1. وَلَدٌ ertinya: *melahirkan*. Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَوْلِدٌ ertinya: *masa kelahiran* atau *tempat kelahiran*.
2. وَعَدٌ ertinya: *berjanji*. Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَوْعِدٌ ertinya: *masa berjanji* atau *tempat berjanji*.
3. وَقَعٌ ertinya: *melakukan*. Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَوْقِعٌ ertinya: *masa berlaku* atau *tempat berlaku*.

Ism maka:n dan ism zama:n yang dibentuk menggunakan pola kata مَفْعِلٌ /maf‘ilun/ mestilah daripada kata kerja yang berbentuk *ajwaf* iaitu huruf ‘ain fi’il adalah huruf ya’ /ي/.

Contoh:

1. بَاعَ ertinya: *menjual*, fi‘il muḍa:ri‘ يَبِيعُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَبِيعٌ ertinya: *tempat menjual* atau *masa menjual*.
2. صَافَ ertinya: *panas terik*, fi‘il muḍa:ri‘ يَصِيفُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَصِيفٌ ertinya: *tempat menetap pada musim panas* atau *masa menetap pada musim panas*.
3. بَاتَ ertinya: *bermalam*, fi‘il muḍa:ri‘ يَبِيتُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَبِيتٌ ertinya: *Tempat menginap* atau *masa menginap*.

Mestilah kata kerja tersebut berbentuk kata kerja *ṣahih* dan ‘ain fi‘il berbaris bawah (—) dalam bentuk fi‘il muḍa:ri‘ .

Contoh:

1. جَلَسَ ertinya: *duduk*, fi‘il muḍa:ri‘ يَجْلِسُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَجْلِسٌ ertinya: *tempat duduk* atau *masa duduk*.
2. عَرَضَ ertinya: *membentangkan*, fi‘il muḍa:ri‘ يَعْضُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَعْضٌ ertinya: *tempat pertunjukan (pameran)* atau *masa pertunjukan*.
3. ضَرَبَ ertinya: *memukul*, fi‘il muḍa:ri‘ يَضْرِبُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَضْرِبٌ ertinya: *tempat memukul* atau *masa memukul*.

Contoh ayat:

1. ضَرَبْتُ مَضْرِبَ زَيْدٍ ertinya: *Saya telah memukul pada masa Zaid memukul*.
2. جَلَسْتُ مَجْلِسَ عُمَرَ ertinya: *Saya telah duduk di tempat duduk Umar*.

ii. Pola kata مَفْعَلٌ /maf‘alun/.

Bentuk-bentuk ism maka:n dan ism zama:n yang menggunakan pola kata مَفْعَلٌ /ma‘alun/ adalah yang diambil daripada kata kerja yang mana ‘ain fi‘il dalam bentuk fi‘il muḍa:ri‘ berbaris atas (ـ) atau berbaris depan (ـَ).

Contoh Pembentukan daripada fi‘il muḍa:ri‘ yang ‘ain fi‘ilnya berbaris atas:

1. شَرِبَ ertinya: *minum*, fi‘il muḍa:ri‘ يَشْرَبُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَشْرَبٌ ertinya: *tempat minum* atau *masa minum*.
2. طَرَحَ ertinya: *mencampakkan*, fi‘il muḍa:ri‘ يَطْرَحُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَطْرَحٌ ertinya: *tempat mencampak* atau *masa mencampak*.

Contoh Pembentukan daripada fi‘il muḍa:ri‘ yang ‘ain fi‘ilnya berbaris depan:

1. كَتَبَ ertinya: *menulis*, fi‘il muḍa:ri‘ يَكْتُبُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَكْتَبٌ ertinya: *tempat menulis (meja)* atau *masa menulis*.
2. نَصَرَ ertinya: *menolong*, fi‘il muḍa:ri‘ يَنْصُرُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَنْصِرٌ ertinya: *tempat menolong* atau *masa menolong*.

b. Pembentukan ism maka:n dan ism zama:n yang berasal bukan daripada golongan kata tiga huruf asal, maka menggunakan pola kata ism maf‘u:l yang dibentuk daripada fi‘il muḍa:ri‘ dengan menukarkan huruf muḍa:ri‘aṭ kepada huruf mi:m /م/ yang berbaris depan (ـَ) dan huruf sebelum akhir berbaris atas(ـُ).

Contoh:

1. أَخْرَجَ ertinya: *mengeluarkan*, fi‘il muḍa:ri‘ يُخْرِجُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مَخْرَجٌ ertinya: *tempat mengeluarkan* atau *masa mengeluarkan*.
2. اسْتَقْبَلَ ertinya: *menyambut*, fi‘il muḍa:ri‘ يَسْتَقْبِلُ . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah مُسْتَقْبَلٌ ertinya: *tempat menyambut* atau *masa menyambut*.

3. **أَنْصَرَفَ** ertinya: *meninggalkan*, fi‘il muḍa:ri‘ **يَنْصَرِفُ** . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah **مَنْصَرَفٌ** ertinya: *tempat meninggalkan* atau *masa meninggalkan*.
- c. Terdapat beberapa bentuk ism maka:n dan ism zama:n yang menggunakan pola kata **مَفْعَلٌ** /maf‘ilun/ walaupun mengikut kaedah mestilah menggunakan pola kata **مَفْعَالٌ** /maf‘alun/. Perkataan-perkataan ini adalah tergolong dalam perkataan sima:‘iy. (Abduh Al-Ra:jihyy, 1999:75). Perkataan-perkataan tersebut antaranya ialah:
1. **سَجَدَ** ertinya: *sujud*, fi‘il muḍa:ri‘ **يَسْجُدُ** . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah **مَسْجِدٌ** ertinya: *tempat sujud (masjid)* atau *masa sujud*.
  2. **غَرَبَ** ertinya: *terbenam*, fi‘il muḍa:ri‘ **يَغْرُبُ** . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah **مَغْرِبٌ** ertinya: *tempat terbenam (barat)* atau *masa terbenam (waktu maghrib)*.
  3. **شَرِقَ** ertinya: *terbit*, fi‘il muḍa:ri‘ **يَشْرِقُ** . Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah **مَشْرِقٌ** ertinya: *tempat terbit (timur)* atau *masa terbit*.
- d. Terdapat juga penambahan huruf ta:’ marbu:taḡ (ة) diakhir kalimah sebahagian ism maka:n dan ism zama:n. (Abduh Al-Ra:jihyy, 1999:75).

Contoh:

1. **دَرَسَ** ertinya: *belajar*. Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah **مَدْرَسَةٌ** ertinya: *tempat belajar (sekolah)* atau *masa belajar*.
2. **طَبَعَ** ertinya: *mencetak*. Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah **مَطْبَعَةٌ** ertinya: *tempat cetak*.
3. **زَرَعَ** ertinya: *menanam*. Manakala ism maka:n dan ism zama:n ialah **مَزْرَعَةٌ** ertinya: *tempat menanam (kebun atau ladang)*.

### 3.4.7 Ism A:laṭ.

Ism a:laṭ ialah ism yang diambil daripada fi‘il tiga huruf yang muta‘addiy (transitif) untuk menunjukkan kepada alat yang digunakan dalam melakukan sesuatu perbuatan.

Terdapat tiga pola kata yang biasa digunakan bagi ism a:laṭ, iaitu:

- a. Pola kata مِفْعَلٌ /mif‘alun/.

Contoh:

1. عَزَلَ ertinya: *memintal*. Manakala ism a:laṭ ialah مِعْزَلٌ ertinya: *alat memintal*.
2. صَعِدَ ertinya: *naik*. Manakala ism a:laṭ ialah مِصْعَدٌ ertinya: *lif*.
3. شَرَطَ ertinya: *mengupas*. Manakala ism a:laṭ ialah مِشْرَطٌ ertinya: *alat mengupas* (sejenis pisau).

- b. Pola kata مِفْعَالٌ /mif‘a:lun/.

Contoh:

1. فَتَحَ ertinya: *membuka*. Manakala ism a:laṭ ialah مِفْتَاحٌ ertinya: *alat membuka* (kunci).
2. نَشَرَ ertinya: *membelah*. Manakala ism a:laṭ ialah مِشْرَاٌ ertinya: *alat membelah* (gergaji kayu).
3. نَظَرَ ertinya: *melihat*. Manakala ism a:laṭ ialah مِنتَظَاٌ ertinya: *alat untuk melihat* (mikroskop atau teleskop).

- c. Pola kata مِفْعَلَةٌ /mif‘alatun/

Contoh:

1. كَنَسَ ertinya: *menyapu*. Manakala ism a:laṭ ialah مِكْنَسَةٌ ertinya: *penyapu*.
2. طَرَقَ ertinya: *mengetuk*. Manakala ism a:laṭ ialah مِطْرَقَةٌ ertinya: *penukul*.

3. سَطَرَ ertinya: *menggaris*. Manakala ism a:laṭ ialah مِسْطَرَةٌ ertinya: *pembaris*.

Terdapat juga pola kata lain bagi ism a:laṭ, tetapi bilangannya amat sedikit. (Abduh Al-Ra:jihyy, 1999:76). Antaranya ialah:

- a. Pola kata فَاعِلَةٌ /fa:'ilatun/.

Contoh:

1. سَقَى ertinya: *menyiram*. Manakala ism a:laṭ ialah سَاقِيَةٌ ertinya: *terusan pengairan (sungai kecil atau kincir air)*.

- b. Pola kata فَعَالَةٌ /fa'‘a:latun/.

Contoh:

1. ثَلَجَ ertinya: *menjadi sejuk*. Manakala ism a:laṭ ialah ثَلَّاجَةٌ ertinya: *alat untuk menyejukkan (peti sejuk)*.

### **3.5 IMBUHAN KATA KERJA.**

Dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan mengenai imbuhan kata kerja yang meliputi dua perkara utama, iaitu pola kata kerja berimbuhan dan makna kata kerja berimbuhan.

Penulis telah membuat pembahagian kepada dua bahagian untuk lebih mudah difahami dan lebih bersistematik.

#### **3.5.1 POLA KATA KERJA BERIMBUHAN.**

Imbuhan kata kerja dalam bahasa Arab dibincangkan dalam bidang disiplin ilmu morfologi dan dibahasakan dalam tajuk perbincangan *fi'il mazi:d* (الْفِعْلُ الْمَزِيدُ). Dalam bahasa Arab penelitian terhadap kata kerja sama ada terdapat huruf tambahan atau tidak terdapat huruf tambahan pada kata kerja tersebut terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

1. Kata kerja yang terdapat huruf tambahan.
2. Kata kerja yang tidak terdapat huruf tambahan.

Kata kerja yang terdapat huruf tambahan ialah kata kerja yang berimbuhan atau dalam bahasa Arab dikenali dengan istilah *fi'il mazi:d*. Manakala kata kerja yang tidak terdapat huruf tambahan ialah kata kerja yang tidak berimbuhan atau dalam bahasa Arab dikenali dengan istilah *fi'il mujarrad*.

Kata kerja yang terdapat huruf tambahan terbahagi kepada dua golongan kata, iaitu:

1. Kata kerja tiga huruf asal.
2. Kata kerja empat huruf asal.

### 3.5.1.1 Kata Kerja Tiga Huruf Asal.

Kata kerja tiga huruf asal yang boleh menerima penambahan huruf terbahagi kepada tiga golongan kata, iaitu:

1. Kata penambahan satu huruf.
2. Kata penambahan dua huruf.
3. Kata pemanbahan tiga huruf.

#### a. Penambahan satu huruf.

Terdapat tiga pola kata bagi kata kerja tiga huruf asal yang menerima penambahan satu huruf. Pola kata-pola kata tersebut, iaitu:

i. أَفْعَلٌ /af‘ala/ - يُفْعِلُ /yuf‘ilu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum huruf fa:’ fi’il /ف/.

Contoh:

1. دَخَلَ ertinya: *masuk*, manakala setelah pengimbuhan ialah ادَّخَلَ ertinya: *memasukkan*.
2. خَرَجَ ertinya: *keluar*, manakala setelah pengimbuhan ialah اَخْرَجَ ertinya: *mengeluarkan*.



ii. فَاعِلٌ /fa:‘ala/- يُفَاعِلُ /yufa:‘ilu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf alif /ا/ setelah huruf fa:’ fi‘il /ف/ iaitu diantara huruf fa:’ fi‘il /ف/ dan ‘ain fi‘il /ع/.

Contoh:

1. قَتَلَ ertinya: *membunuh*, manakala setelah pengimbuhan ialah قَاتَلَ ertinya: *saling berbunuhan (berperang)*.
2. سَبَقَ ertinya: *mendahului*, manakala setelah pengimbuhan ialah سَابَقَ ertinya: *saling mendahului (berlumba)*.

iii. فَعَّلٌ /fa‘‘ala/- يُفَعِّلُ /yufa‘‘ilu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) pada ‘ain fi‘il /ع/.

Contoh:

1. عَلَّمَ ertinya: *mengetahui*, manakala setelah pengimbuhan ialah عَلَّمَ ertinya: *mengajar*.
2. نَزَلَ ertinya: *turun*, manakala setelah pengimbuhan ialah نَزَّلَ ertinya: *menurunkan*.

**b. Penambahan dua huruf.**

Terdapat lima pola kata bagi kata kerja tiga huruf asal yang menerima penambahan dua huruf. Pola kata-pola kata tersebut, iaitu:

i. تَفَاعَلَ /tafa:'ala/ - يَتَفَاعَلُ /yatafa:'alu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf ta:' /ت/ di awal kata iaitu sebelum fa:' fi'il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah huruf alif /ا/ setelah fa:' fi'il /ف/ iaitu diantara fa:' fi'il /ف/ dan 'ain fi'il /ع/.

Contoh:

1. عَرَفَ ertinya: *mengenal*, manakala setelah pengimbuhan ialah تَعَارَفَ ertinya: *saling berkenalan*.
2. سَأَلَ ertinya: *bertanya*, manakala setelah pengimbuhan ialah تَسَاءَلَ ertinya: *saling bertanya*.

ii. اِفْتَعَلَ /ifta:'ala/ - يَفْتَعِلُ /yafita:'ilu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah hamza<sub>1</sub> wasal /أ/ di awal iaitu sebelum fa:' fi'il /ف/. Huruf tambahan kedua ialah huruf ta:' /ت/ setelah fa:' fi'il /ف/ iaitu diantara fa:' fi'il /ف/ dan 'ain fi'il /ع/.

Contoh:

1. جَمَعَ ertinya: *mengumpulkan*, manakala setelah pengimbuhan ialah اجْتَمَعَ ertinya: *berkumpul*.
2. نَشَرَ ertinya: *menyebarkan*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِنْتَشَرَ ertinya: *tersebar*.

iii. اِنْفَعَلَ /infa:'ala/ - يَنْفَعِلُ /yanfa:'ilu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/ di awal kata.

Huruf tambahan kedua ialah huruf nūn /ن/ setelah hamzat /أ/ iaitu setelah huruf hamzat /أ/ dan sebelum fa:’ fi’il /ف/.

Contoh:

1. فَطَرَ ertinya: *membelah*, manakala setelah pengimbuhan ialah انْفَطَرَ ertinya: *terbelah*.
2. قَلَبَ ertinya: *membalik*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِنْقَلَبَ ertinya: *terbalik*.

iv. اِفْعَلَّ /if‘alla/ - يَفْعَلُّ /yaf‘allu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah hamzat wasal /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi’il /ف/. Huruf tambahan kedua ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) di akhir iaitu pada huruf la:m fi’il /ل/.

Contoh:

1. بَيَّضَ ertinya: *putih*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِبْيَضَّ ertinya: *memutih*.
2. سَوَّدَ ertinya: *hitam*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِسْوَدَّ ertinya: *menghitam*.

v. تَفَعَّلَ /tafa‘‘ala/ - يَتَفَعَّلُ /yatafa‘‘alu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf ta:’ /ت/ di awal iaitu sebelum huruf fa:’ fi’il /ف/. Huruf tambahan kedua ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) pada ‘ain fi’il /ع/.

Contoh:

1. عَلِمَ ertinya: *mengetahui*, manakala setelah pengimbuhan ialah تَعَلَّمَ ertinya: *belajar*.
2. كَبُرَ ertinya: *besar*, manakala setelah pengimbuhan ialah تَكَبَّرَ ertinya: *membesarkan diri*.

**c. Penambahan tiga huruf.**

Terdapat empat pola kata bagi kata kerja tiga huruf asal yang menerima penambahan tiga huruf. Pola kata-pola kata tersebut ialah:

- i. اسْتَفْعَلَ /istaf‘ala/ - يَسْتَفْعِلُ /yastaf‘ilu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/, huruf si:n /س/ dan huruf ta:’ /ت/ di awal kata asal iaitu sebelum fa:’ fi’il /ف/.

Contoh:

1. عَفَرَ ertinya: *mengampunkan*, manakala setelah pengimbuhan ialah اسْتَعْفَرَ ertinya: *memohon ampun*.
2. خَرَجَ ertinya: *keluar*, manakala setelah pengimbuhan ialah اسْتَخْرَجَ ertinya: *mengeluarkan*.

- ii. اِفْعَوْعَلَ /if‘au‘ala/- يَفْعَوْعَلُ /yaf‘au‘alu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi’il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah huruf wa:w /و/ iaitu setelah ‘ain fi’il /ع/, manakala huruf tambahan yang ketiga ialah pengulangan huruf ‘ain fi’il /ع/ iaitu huruf ‘ain fi’il /ع/ selepas huruf wa:w /و/ dan sebelum huruf la:m fi’il /ل/.

Contoh:

1. حَضَعٌ ertinya: *memotong*, manakala setelah pengimbuhan ialah أَحْضَوْضَعٌ ertinya: *memotong-motong*.
2. عَشِبَ ertinya: *tumbuh rumput*, manakala setelah pengimbuhan ialah اعْشَوْشَبَ ertinya: *tumbuh rumput dengan banyak*.

iii. اِفْعَوْلٌ /if‘awwala/ - يَفْعَوْلُ /yaf‘awwalu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah huruf wa:w /و/ iaitu setelah huruf ‘ain fi‘il /ع/, manakala huruf tambahan ketiga ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) pada huruf wa:w /و/ iaitu sebelum la:m fi‘il /ل/.

Contoh:

1. اِجْلَوْدًا ertinya: *berjalan dengan cepat*.
2. اِعْلَوَطًا ertinya: *memeluk*.

iv. اِفْعَالًا /if‘a:lla/ - يَفْعَالُ /yaf‘a:llu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan yang kedua ialah huruf alif /ا/ setelah huruf ‘ain fi‘il /ع/, manakala huruf tambahan yang ketiga ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) pada huruf la:m fi‘il /ل/.

Contoh:

1. اِحْمَرَّ ertinya: *menjadi merah*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِحْمَارًا ertinya: *menjadi semakin merah*.
2. اِبْيَضَّ ertinya: *menjadi putih*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِبْيَاضًا ertinya: *menjadi semakin putih*.

### 3.5.1.2 Kata Kerja Empat Huruf Asal.

Kata kerja empat huruf asal yang boleh menerima penambahan huruf terbahagi kepada dua golongan kata, iaitu:

1. Kata penambahan satu huruf.
2. Kata penambahan dua huruf.

#### a. Penambahan satu huruf.

Kata kerja empat huruf asal yang menerima penambahan satu huruf hanya terdapat satu pola kata sahaja, iaitu:

- i.  $\text{تَفَعَّلَ} / \text{tafa}^{\prime}\text{lala}/ - \text{يَتَفَعَّلُ} / \text{yatafa}^{\prime}\text{lalu}/$ .

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf ta:’ /ت/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi’il /ف/.

Contoh:

1.  $\text{حَصَّحَ}$  ertinya: *jelas*, manakala setelah pengimbuhan ialah  $\text{تَحَصَّحَ}$  ertinya: *menjadi jelas*.
2.  $\text{بَعَثَ}$  ertinya: *menabur*, manakala setelah pengimbuhan ialah  $\text{تَبَعَثَ}$  ertinya: *bertabur*.

**b. Penambahan dua huruf.**

Terdapat dua pola kata bagi kata kerja empat huruf asal yang menerima penambahan dua huruf. Pola kata-pola kata tersebut, iaitu:

i. اِفْعَلَلَّ /if‘anlala/ – يَفْعَلَلُّ /yaf‘anlalu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzaٓ /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan yang kedua ialah huruf nūn /ن/ iaitu setelah huruf ‘ain fi‘il /ع/.

Contoh:

1. حَرَجَمَ ertinya: *menghimpunkan*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِحْرَنْجَمَ ertinya: *berhimpun*.
2. فَرَقَعَ ertinya: *menyuraikan*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِفْرَنْقَعَ ertinya: *bersurai*.

ii. اِفْعَلَّلَّ /if‘alalla/ – يَفْعَلَلُّ /yaf‘alillu/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzaٓ /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan yang kedua ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) di akhir kata iaitu pada huruf la:m /ل/ yang kedua.

Contoh:

1. طَمَأَنَّ ertinya: *menenangkan*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِطْمَأَنَّ ertinya: *tenang*.
2. كَفَهَرَ ertinya: *gelap*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِكْفَهَرَ ertinya: *gelap gulita*.

### **3.5.2 MAKNA KATA KERJA BERIMBUHAN.**

Kata kerja berimbuhan dalam bahasa Arab merupakan perkara yang sangat penting untuk dikuasai bagi seseorang yang ingin mendalami ilmu bahasa Arab. Kata kerja berimbuhan dalam bahasa Arab juga mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu dengan berlaku proses berimbuhan maka akan terbentuk perkataan yang baru dan makna yang baru juga terhasil. Dalam bahasa Arab juga satu pola kata bagi kata kerja boleh menghasilkan perbagai bentuk makna yang terkandung dalam perkataan tersebut.

#### **3.5.2.1 Makna Kata Kerja Tiga Huruf Dengan Satu Huruf Imbuhan.**

Terdapat tiga pola kata bagi kata kerja tiga huruf asal yang menerima penambahan satu huruf. Tiga pola kata tersebut ialah:

**a. Pola kata أَفْعَالٍ /af‘ala/.**

Pola kata kata kerja tersebut diimbuhkan dengan huruf hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum huruf fa:’ fi‘il /ف/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Antara makna yang terhasil setelah pengimbuhan ialah:



### i. Makna transitif.

Mentransitif kata kerja iaitu mengubah kata kerja la:zim kepada kata kerja muta‘addiy. Kata kerja la:zim ialah kata kerja yang tidak memerlukan kepada objek. Manakala kata kerja muta‘addiy ialah kata kerja yang memerlukan kepada objek. Bagi pola kata أَفْعَلٍ /af‘ala/ makna transitif merupakan makna yang paling masyhur. Contoh kata kerja خَرَجَ ertinya: *keluar*. Setelah penambahan huruf hamzaʔ pada awal kata asal tersebut menjadi أَخْرَجَ ertinya: *mengeluarkan*.

Contoh ayat:

1. خَرَجَ الطُّلَّابُ مِنَ الْمَدْرَسَةِ ertinya: *Para pelajar keluar daripada sekolah.*
2. أَخْرَجَ الْمُعَلِّمُ الطُّلَّابَ مِنَ الْمَدْرَسَةِ ertinya: *Guru mengeluarkan para pelajar daripada sekolah.*

Ayat pertama tidak memerlukan kepada objek. Manakala ayat kedua memerlukan kepada objek iaitu perkataan الطُّلَّابَ kerana kata kerja أَخْرَجَ telah bertukar daripada kata kerja tak transitif menjadi kata kerja transitif yang memerlukan kepada objek.

Jika kata kerja yang transitif diimbuhkan dengan pola kata ini maka akan berlaku penambahan objek. Kata kerja transitif satu objek akan menjadi kata kerja transitif dua objek. Contoh kata kerja لَبَسَ ertinya: *pakai*. Kata kerja tersebut memerlukan satu objek. Dengan penambahan huruf hamzaʔ pada awal kata asal, maka perkataan tersebut menjadi اَلْبَسَ ertinya: *memakaikan*. Perkataan kata kerja tersebut telah bertukar menjadi kata kerja yang memerlukan kepada dua objek.

Contoh ayat:

1. لَبَسَ زَيْدٌ قَمِيصًا ertinya: *Zaid telah memakai baju kemeja*. Manakala setelah pengimbuhan عَلِيًّا قَمِيصًا ertinya: *Zaid telah memakaikan Ali baju kemeja*.

Contoh perkataan lain ialah:

1. فَهَمَ ertinya: *faham*. Manakala setelah pengimbuhan أَفْهَمَ ertinya: *memahamkan*.
2. سَمِعَ ertinya: *mendengar*. Manakala setelah pengimbuhan أَسْمَعَ ertinya: *memperdengarkan*.

Contoh ayat:

1. فَهَمَ عَلِيُّ الدَّرْسَ ertinya: *Ali memahami pelajaran*. Manakala setelah pengimbuhan أَفْهَمَ عَلِيُّ الطُّلَّابَ الدَّرْسَ ertinya: *Ali memahamkan para pelajar pelajaran tersebut*.
2. سَمِعَ عَلِيُّ صَوْتِ الْأَذَانِ ertinya: *Ali mendengar suara azan*. Manakala setelah pengimbuhan أَسْمَعَ عَلِيُّ الطُّلَّابَ الْجُدُدَ صَوْتِ الْأَذَانِ ertinya: *Ali memperdengarkan kepada para pelajar baru suara azan*.

Manakala kata kerja dua objek akan bertukar menjadi kata kerja yang memerlukan tiga objek dan ia hanya terdapat dua kata kerja iaitu:

1. أَعْلَمَ ertinya: *memberitahu*.
2. أَرَى ertinya: *memperlihatkan*.

Contoh ayat:

1. Tanpa pengimbuhan *عَلِمْتُ أَبَاكَ فَاضِلاً* ertinya: *Saya mengetahui ayah kamu mulia*. Manakala setelah pengimbuhan *أَعْلَمْتُ مُحَمَّدًا أَبَاكَ فَاضِلاً* ertinya: *Saya memberitahu Muhammad ayah kamu mulia*.
2. Tanpa pengimbuhan *رَأَيْتُ أَبَاكَ كَرِيماً* ertinya: *Saya Melihat (mendapati) ayah kamu mulia*. Manakala setelah pengimbuhan *أَرَيْتُ عَلِيًّا أَبَاكَ كَرِيماً* ertinya: *Saya memperlihatkan (menunjukkan) kepada Ali ayah kamu mulia*.

(Al-Akhfaj, Vol. 2:523), menambah tiga lagi perkataan yang diwazankan dengan wazan ini akan berlaku penambahan kepada tiga objek iaitu: *ظَنَّ*, *حَسِبَ* dan *زَعَمَ*.

Contoh:

1. *ظَنَنْتُ زَيْدًا طَيِّبًا* ertinya: *Saya menyangka Zaid doktor*.
2. *حَسِبْتُ الدَّرْسَ صَعْبًا* ertinya: *Saya menyangka pelajaran tersebut susah*.
3. *زَعَمْتُ عَمْرًا فَاضِلاً* ertinya: *Saya menyangka Amran orang mulia*.

## ii. Makna pendedahan atau pemaparan.

Pendedahan atau pemaparan bermaksud mendedahkan objek kepada pelaku, pendedahan tersebut sama ada bertujuan untuk pelaku melakukan perbuatan tersebut atau tidak.

Contoh pendedahan objek untuk berlaku perbuatan:

1. Tanpa pengimbuhan *قَتَلْتُ اللَّصَّ* ertinya: *Saya membunuh pencuri*. Maka setelah pengimbuhan *أَقْتَلْتُ اللَّصَّ* ertinya: *Saya mendedahkan pencuri untuk dibunuh*.
2. Tanpa pengimbuhan *بَعْتُ الدَّارَ* ertinya: *Saya menjual rumah*. Maka setelah pengimbuhan *أَبَعْتُ الدَّارَ* ertinya: *Saya mempamerkan rumah untuk dijual*.

Contoh mendedahkan objek tetapi bukan untuk berlaku perbuatan:

1. أَفَبَرْتُهُ ertinya: *Saya menunjukkan kubur kepadanya.*

### iii. Makna mempunyai atau mendapati.

Memiliki atau mendapati bermaksud sifat kata kerja terdapat pada pelaku atau objek. Sifat kata kerja terdapat pada pelaku jika kata kerja tersebut merupakan kata kerja *la:zim*. Manakala sifat kata kerja terdapat pada objek jika kata kerja tersebut merupakan kata kerja *muta'addiy*.

Contoh sifat kata kerja yang terdapat pada pelaku:

1. أَتَمَّرَ الْبُسْتَانَ ertinya: *Kebun itu telah berbuah.*
2. أَلْبَنَتِ الشَّاهُ ertinya: *Kambing itu telah mempunyai susu.*

Contoh sifat kata kerja yang terdapat pada objek:

1. أَكْرَمْتُ زَيْدًا ertinya: *Saya mendapati Zaid mulia.*
2. أَجَلْتُ زَيْدًا ertinya: *Saya mendapati Zaid kedekut.*

### iv. Makna ketibaan atau kesesuaian masa.

Makna ketibaan atau kesesuaian masa menunjukkan bahawa kesesuaian masa untuk perbuatan tersebut dilakukan. Makna kata kerja tersebut juga mengandungi makna pelaku kata kerja tersebut dijadikan sebagai objek untuk dilakukan perbuatan tersebut.

(Al-Hamla:wiyy, 2003:37).

Contoh:

1. أَقْطَفَ النَّخْلُ ertinya: *Kurma itu telah tiba waktu dipetik.*
2. أَحْصَدَ الزَّرْعُ ertinya: *Tanaman itu telah tiba waktu tuaiannya.*
3. أَرْوَحَتِ الْفَتَاهُ ertinya: *Pemudi itu telah tiba waktu untuk berkahwin.*

Perkataan قَطَفَ ertinya: *memetik*, manakala perkataan أَقْطَفَ ertinya: *telah sampai masa untuk dipetik*. Apabila penambahan huruf hamza pada perkataan asal maka berlaku pertambahan makna pada perkataan tersebut iaitu telah sampai masanya perbuatan tersebut untuk dikerjakan. Begitu juga perkataan أَحْصَدَ ertinya: *telah tiba waktu tuaian*, iaitu menunjukkan telah sampai masa perbuatan itu dilakukan dan perkataan أَرْوَحَتِ ertinya: *telah tiba waktu untuk berkahwin*.

#### v. Makna ketibaan masa dan tempat.

Makna ketibaan masa dan tempat menunjukkan makna telah tiba masa tertentu atau telah sampai ke sesuatu tempat.

Contoh telah tiba masa tertentu:

1. صُبْحٌ menjadi أَصْبَحَ ertinya: *telah masuk waktu pagi.*
2. فَجْرٌ menjadi أَفْجَرَ ertinya: *telah masuk waktu fajar.*

Contoh telah sampai ke sesuatu tempat.

1. جَبَلٌ menjadi أَجْبَلَ ertinya: *telah sampai ke bukit.*
2. مِصْرٌ menjadi أَمْصَرَ ertinya: *telah sampai ke Mesir.*

**vi. Makna mencabut, mengeluarkan atau menghilangkan.**

Mencabut, mengeluarkan atau menghilangkan bermaksud tindakan membuang sesuatu makna yang terkandung pada kata kerja berimbuhan tersebut. Makna pembuangan tersebut sama ada merujuk kepada pelaku perbuatan atau objek.

Contoh pembuangan makna kata kerja pada pelaku perbuatan:

1. أَقْسَطَ خَالِدٌ ertinya: *Khalid telah berlaku adil.*

Contoh pembuangan makna kata kerja pada objek:

1. أَشَكَيْتُ الرَّجُلَ ertinya: *Saya telah menghilangkan (menyelesaikan) aduan lelaki itu.*

**vii. Makna mencapai kepada bilangan tertentu.**

Pola kata ini juga digunakan untuk menunjukkan telah mencapai bilangan tertentu.

Contoh:

1. أَعَشْرْتُ الدَّرَاهِمَ ertinya: *Saya telah mencapai sepuluh dirham.*
2. أَمْنَيْتُ الدَّرَاهِمَ ertinya: *Saya telah mencapai seratus dirham.*

**viii. Intransitif kata kerja transitif.**

Pola kata ini juga boleh mengubah kata kerja transitif kepada kata kerja tak transitif.

Walau bagaimanapun bilangannya sangat sedikit.

Contoh:

1. فَشَعَ الرِّيحُ السَّحَابَ ertinya: *Angin telah menghilangkan awan.*
2. أَفْشَعَ السَّحَابُ ertinya: *Awan telah hilang.*

**ix. Makna menunjukkan Banyak.**

Pola kata ini juga menunjukkan makna banyak iaitu terkandung makna banyak dalam kata kerja yang dibentuk.

Contoh:

1. أَشَجَرَ الْمَكَانُ ertinya: *Tempat itu banyak pokok.*
2. أَزْهَرَ الرَّبِيعُ ertinya: *Pada musim bunga banyak bunga.*

(b). **Pola kata فَعَّلَ /fa‘‘ala/.**

Pola kata kata kerja tersebut diimbuhkan dengan tasydid /ّ/ (gandaan huruf) pada ‘ain fi‘il /ع/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Antara makna yang terhasil setelah pengimbuhan ialah:

**i. Makna kekerapan, banyak dan pengulangan.**

Pola kata ini memberi makna kekerapan atau banyak berlakunya perbuatan dan berlaku pengulangan. Pengulangan tersebut terjadi sama ada pada perbuatan, pelaku atau objek. ('Awa:tif Ahmad Kama:l Shiha:buddin, 2003,:90).

Contoh pengulangan perbuatan:

1. طَوَّفَ مُحَمَّدٌ حَوْلَ الْكَعْبَةِ ertinya: *Muhammad bertawaf-tawaf di sekitar ka‘bah.*
2. قَطَّعْتُ الثَّوْبَ ertinya: *Saya telah memotong-motong baju.*

Contoh ayat pertama perkataan طَوَّفَ ertinya *bertawaf-tawaf* dan perbuatan tawaf berlaku beberapa kali. Kata asal sebelum pengimbuhan ialah طَافَ ertinya *bertawaf*, dan perbuatan bertawaf hanya berlaku sekali sahaja. Manakala contoh ayat kedua perkataan قَطَّعَ ertinya *memotong-motong* dan perbuatan memotong berlaku beberapa kali. Kata asal sebelum pengimbuhan ialah قَطَّعَ ertinya *memotong*, dan perbuatan memotong hanya berlaku sekali sahaja (Ibn Ha:jib 2005. Vol. 2 :120).

Contoh pengulangan pelaku:

1. مَاتَتِ الْإِبِلُ ertinya: *Unta-unta telah mati.*
2. مَوَّتَتِ الْإِبِلُ ertinya: *Banyak unta-unta telah mati.*



Contoh pengulangan terhadap objek.

1. عَالَّقْتُ الْأَبْوَابَ ertinya: *Saya menutup rapat semua pintu-pintu.*
2. ذَبَحْتُ الْأَغْنَامَ ertinya: *Saya menyembelih semua kambing-kambing.*

Menurut (Ibn Ha:jib, 2005. Vol. 2 :120), pola kata ini tidak akan menghasilkan makna banyak atau pengulangan pada pelaku atau objek jika pelaku atau objek dalam ayat tersebut berbentuk tunggal, contoh: مَوَّتَتِ الشَّاةُ/ ertinya: *kambing telah mati.*

Contoh:

1. عَالَّقْتُ الْبَابَ ertinya: *Saya menutup pintu itu.*

Penggunaan perkataan الْبَابَ ertinya: *pintu itu*, ialah perkataan tunggal yang tidak dapat memenuhi makna pengulangan kata kerja berlaku pada objek yang banyak.

## ii. Makna transitif.

Pola kata ini juga menghasilkan makna pentransitifan. Pola kata ini juga berfungsi seperti pola kata أَفْعَلَ iaitu mengubah kata kerja *la:zim* menjadi kata kerja *muta'addiy*.

Contoh:

1. فَرِحَ زَيْدٌ وَلَدًا ertinya: *Zaid gembira.* Mana kala setelah pengimbuhan فَرِحَ ertinya: *Zaid mengembirakan seorang budak lelaki.*
2. خَرَجَ الرَّجُلُ ertinya: *Lelaki itu telah keluar.* Manakala setelah pengimbuhan menjadi خَرَجْتُ الرَّجُلَ ertinya: *Saya telah mengeluarkan seorang lelaki.*

Contoh pertama kata kerja فَرِحَ adalah kata kerja tak transitif iaitu tidak memerlukan kepada maf'u:l, manakala kata kerja فَرِحَ iaitu setelah berlaku pengimbuhan telah bertukar menjadi kata kerja yang transitif iaitu telah berubah menjadi kata kerja

yang memerlukan kepada maf'u:l iaitu perkataan **وَلَدًا**. Begitu juga dikiaskan contoh yang kedua.

Manakala bagi kata kerja yang sedia ada terdapat satu objek akan berlaku penambahan objek dengan penggunaan pola kata tersebut.

Contoh:

1. **عَلَّمْتُ مُحَمَّدًا حِسَابًا** ertinya: *Saya mengajar Muhammad mengira.*
2. **لَبَسْتُ الطُّفْلَ الثَّوْبَ** ertinya: *Saya memakaikan budak itu baju.*

### **iii. Makna menyifatkan.**

Pola kata kata kerja ini juga memberi maksud menyifatkan objek dengan sifat yang terkandung dalam makna kata kerja.

Contoh:

1. **كَفَّرَ الرَّجُلُ ظَالِمًا** ertinya: *Lelaki itu telah mengkafirkan yang zalim.*
2. **فَسَّقَمْتُ الرَّجُلَ** ertinya: *Saya memfasikkan lelaki itu.*

Menurut ('Awa:tif Ahmad Kama:l Shiha:buddin, 2003:86), Sibawaih menyatakan bahawa pola kata ini juga boleh memberi maksud menamakan. Pendapat ini turut disokong oleh Ibn 'Usfu:r.

Contoh:

1. **حَطَّأْتُهُ** ertinya: *Saya menyalahkannya.*
2. **فَسَقَمْتُهُ** ertinya: *Saya memfasikkannya.*

#### iv. Makna Pembuangan.

Menunjukkan tindakan membuang sesuatu benda yang terdapat pada benda yang lain.

Contoh:

1. فَشَرْتُ الْفَاكِهَةَ ertinya: *Saya telah mengupas kulit buah epal itu.*
2. جَلَدْتُ الْغَنَمَ ertinya: *Saya telah membuang kulit kambing itu.*

Perkataan فَشَرْتُ ertinya: *kulit buah*, merupakan kata nama yang diimbuhkan dengan pola kata فَعَّلَ /fa‘‘ala/. Setelah pengimbuhan perkataan tersebut telah menghasilkan makna yang baru iaitu makna asal perkataan tersebut telah hilang dari objek iaitu kulit buah epal telah dibuang dari pada buah epal. Begitu juga contoh yang kedua iaitu kulit kambing telah dibuang daripada badan kambing.

#### v. Makna menuju ke sesuatu arah.

Kata kerja pola kata ini juga memberi makna arah yang dituju oleh seseorang.

Contoh:

1. شَرَقَ عَلِيٌّ ertinya: *Ali telah menuju ke arah timur.*
2. غَرَبَ مُحَمَّدٌ ertinya: *Muhammad telah menuju ke arah barat.*

**vi. Meringkaskan ayat. (akronim)**

Terdapat juga pola kata ini digunakan dalam meringkaskan ayat menjadi akronim.

Contoh:

1. سُبْحَانَ اللَّهِ bermaksud: *Dia telah berkata “سُبْحَانَ اللَّهِ”.*

Lafaz سُبْحَانَ اللَّهِ ertinya: *Maha suci Allah (daripada sifat-sifat yang tidak sempurna.)*

2. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ bermaksud: *Dia telah berkata “لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ”.*

Lafaz لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ertinya: *Tiada Tuhan melainkan Allah.*

**vii. Makna bersifat dengan makna asal kata kerja.**

Kata kerja ini juga memberi makna pelaku bersifat dengan kata kerja asal.

Contoh:

1. حَجَرَ الطَّيْبُ ertinya: *Tanah telah menjadi batu.*

2. قَوَسَ الرَّجُلُ ertinya: *Lelaki itu telah menjadi bengkok.*

Maksud menjadi batu iaitu keadaan dan sifatnya menjadi keras seperti batu. Kata kerja

حَجَرَ berasal daripada kata nama حَجْرٌ ertinya: *batu.*

**viii. Makna doa atau permintaan.**

Kata kerja tersebut memberi makna doa kepada objek.

Contoh:

1.  $\text{بَرَكَ زَيْدٌ عَلَيَّ}$  ertinya: *Zaid berdoa (kepada Allah) keberkatan untuk Ali.*
2.  $\text{رَعَيْتُ أَبِي}$  ertinya: *Saya berdoa (kepada Allah) melindungi ayah saya.*

**ix. Makna menerima atau mendapat.**

Pola kata ini juga memberi makna pelaku menerima sesuatu daripada objek. Penerimaan tersebut ialah makna yang terkandung dalam kata kerja.

Contoh:

1.  $\text{شَفَعْتُ زَيْدًا}$  ertinya: *Saya mendapat syafa'at Zaid.*

Menurut (Al-Hamla:wiyy, 2003:39), ayat  $\text{شَفَعْتُ زَيْدًا}$  membawa maksud  $\text{قَبِلْتُ شَفَاعَتَهُ}$  ertinya: *Saya mendapat syafaatnya (Zaid).*

**x. Makna seperti pola kata mujarrad.**

Terdapat juga pola kata  $\text{فَعَّلَ}$  /fa‘‘ala/ kadang-kadang memberi makna seperti *mujarrad* iaitu kata tunggal tanpa penambahan huruf.

Contoh:

1.  $\text{قَدَّرَ اللَّهُ}$  ertinya: *Allah berkuasa*, sama maknanya dengan pola kata asal yang tidak terdapat penambahan huruf  $\text{قَدَرَ اللَّهُ}$  ertinya: *Allah berkuasa.*

(c) **Pola kata فَاعَلَ /fa:‘ala/.**

Pola kata kata kerja tersebut diimbuhkan dengan huruf alif // setelah huruf fa:’ fi‘il /ف/ iaitu diantara huruf fa:’ fi‘il /ف/ dan ‘ain fi‘il /ع/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Antara makna yang terhasil setelah pengimbuhan ialah:

**i. Makna perkongsian atau kesalingan.**

Pola kata tersebut mengandungi makna berlaku perkongsian kata kerja oleh dua pelaku atau lebih dan juga berlaku tindak balas antara dua pihak atau lebih. Kata kerja tersebut juga menunjukkan makna perkongsian perbuatan antara pelaku dan objek.

Contoh:

1. قَاتَلَ الْجُنْدِيُّ عَدُوَّهُ ertinya: *Tentera itu berperang (bunuh membunuh) dengan musuhnya.*

Pola kata ini menghasilkan perkongsian makna kata kerja antara pelaku perbuatan dan objek iaitu dari sudut makna pelaku perbuatan dengan objek iaitu الْجُنْدِيُّ dan الْعَدُوُّ saling melakukan perbuatan bunuh membunuh dan pada masa yang sama kedua-dua menjadi objek. Manakala dari segi lafaz antara pelaku perbuatan dan objek dibezakan. Perkataan الْجُنْدِيُّ adalah pelaku dan perkataan الْعَدُوُّ adalah objek, hukum i‘rab pelaku perbuatan ialah marfu‘ manakala hukum i‘rab objek ialah mansub.

## ii. Makna transitif.

Pola kata tersebut turut mengubah kata kerja tak transitif kepada kata kerja transitif.

Contoh:

1. جَالَسَ مُحَمَّدٌ الْعُلَمَاءَ ertinya: *Muhammad mendampingi ulama.*

Perkataan جَالَسَ sebelum pengimbuhan ialah جَلَسَ merupakan kata kerja yang tak transitif. Contoh ayat: جَلَسَ مُحَمَّدٌ ertinya: *Muhammad telah duduk.*

Manakala kata kerja yang transitif kepada satu objek akan bertambah menjadi kata kerja yang transitif kepada dua objek.

Contoh:

1. بَايَعْتُ مُحَمَّدًا النَّوْبَ ertinya: *Saya telah menjual kepada Muhammad baju itu.*

Perkataan بَايَعَ sebelum pengimbuhan ialah بَاعَ merupakan kata kerja yang transitif kepada satu objek. Contoh ayat: بَاعَ مُحَمَّدٌ النَّوْبَ ertinya: *Muhammad telah menjual baju.*

Manakala setelah pengimbuhan kata kerja tersebut bertukar kepada kata kerja yang memerlukan kepada dua objek.

## iii. Makna banyak atau kekerapan.

Pola kata tersebut juga akan menghasilkan makna kata kerja berlaku berulang kali.

Contoh:

1. ضَاعَفْتُ الشَّيْءَ ertinya: *Saya mengganda-gandakan sesuatu.*
2. نَاعَمَهُ اللَّهُ ertinya: *Semoga Allah memperbanyakkan nikmat kepadanya.*

Sibawaih juga turut menjelaskan konteks makna pola kata tersebut dalam menghasilkan makna banyak atau kekerapan. Menurut beliau pola kata tersebut terdapat persamaan makna dengan pola kata **فَعَّلَ** yang juga menghasilkan makna banyak atau kekerapan. Contoh lafaz **ضَاعَفْتُ** sama maknanya dengan lafaz **ضَعَّفْتُ** dan lafaz **نَاعَمْتُ** sama maknanya dengan lafaz **نَعَّمْتُ**. Beliau juga menambah contoh, iaitu **عَاقَبْتُهُ** ertinya: *Saya memperbanyakkan denda kepadanya*. Penggunaan pola kata ini menunjukkan banyak berlaku perbuatan. (Sibawaih, tt. Vol. 4:68-69).

#### **iv. Makna berturut-turut.**

Pola kata ini juga memberi maksud untuk perbuatan yang berlaku berturut-turut tanpa putus.

Contoh:

1. **وَأَلَيْتُ الصَّوْمَ** ertinya: *Saya telah berpuasa berturut-turut.*
2. **تَابَعْتُ الْقِرَاءَةَ** ertinya: *Saya membaca berterusan.*

#### **v. Makna seperti pola kata mujarradnya.**

Terdapat juga pola kata **فَاعَلَ** /fa:‘ala/ yang maknanya sama seperti makna kata asal.

Contoh:

1. **سَافَرَ الرَّجُلُ** ertinya: *Lelaki itu telah bermusafir.*
2. **هَاجَرَ النَّاسُ** ertinya: *Manusia telah berhijrah.*



**Vi. Makna doa, permintaan atau harapan seperti makna pola kata أَفْعَلٌ.**

Terdapat juga pola kata ini menghasilkan makna doa atau permintaan.

Contoh:

1. عَافَاكَ اللهُ ertinya: *Semoga Allah memaafkan kamu.*
2. عَاقَبْتُ فُلَانًا ertinya: *Semoga si pulan dihukum.*

### 3.5.2.2 Makna Kata Kerja Tiga Huruf Asal Dengan Dua Huruf Imbuhan.

Terdapat lima pola kata bagi kata kerja tiga huruf asal yang menerima penambahan dua huruf. Makna lima pola kata tersebut ialah:

**a. Pola kata اِفْتَعَلَ /ifta‘ala/.**

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah hamza<sub>1</sub> wasal /أ/ di awal iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah huruf ta:’ /ت/ di tengah iaitu diantara fa:’ fi‘il /ف/ dan ‘ain fi‘il /ع/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Antara makna yang terhasil setelah pengimbuhan ialah:

**i. Tindak balas daripada kata asal.**

Pola kata tersebut terbentuk hasil tindak balas daripada kata kerja asal.

Contoh:

1. جَمَعَ الْمُعَلِّمُ الطُّلَّابَ فَاجْتَمَعُوا ertinya: *Guru telah mengumpulkan para pelajar maka mereka pun berkumpul.*
2. عَدَلْتُهُ فَاعْتَدَلَ ertinya: *Saya telah membetulkannya maka dia menjadi betul.*

Contoh perkataan اجْتَمَعُوا ertinya: *berkumpul*. Perkataan tersebut terbentuk hasil tindak balas daripada perkataan جَمَعَ ertinya: *mengumpulkan*. Dari segi makna juga terdapat tindak balas atau refleksi iaitu daripada perbuatan "mengumpulkan" maka menjadilah mereka "berkumpul".

## ii. Makna perkongsian atau kesalingan.

Pola kata tersebut juga digunakan untuk menunjukkan makna perkongsian perbuatan di antara pelaku dan objek. Perkongsian berlaku pada makna dan sintaksis. Pola kata *اِفْتَعَلَ* dalam menghasilkan makna perkongsian sama seperti makna perkongsian yang dihasilkan oleh pola kata *تَفَاعَلَ*.

Contoh:

1. *خَلَفَ* ertinya: *menggantikan*, manakala *اِخْتَلَفَ* ertinya: *saling berselisihan* (antara satu sama lain). Contoh ayat: *اِخْتَلَفَ عَلِيٌّ وَاَحْمَدُ* ertinya: *Ali dan Ahmad saling berselisihan antara satu sama lain*.

Dalam ayat tersebut *عَلِيٌّ* dan *اَحْمَدُ* saling berkongsi makna kata kerja tersebut iaitu kedua-duanya saling melakukan perbuatan tersebut. Dalam ayat tersebut juga *عَلِيٌّ* dan *اَحْمَدُ* saling berkongsi lafaz.

## iii. Makna menggunakan, pengambilan atau menjadikan.

Makna menggunakan atau pengambilan dalam konteks pola kata ini ialah pelaku mengambil sesuatu untuk dijadikan objek.

Contoh:

1. *اِشْتَوَيْتُ اللَّحْمَ* ertinya: *Saya mengambil daging untuk memanggangnya*.
2. *اِخْتَبَرَ الخُبْزَ* ertinya: *Dia telah menggunakan sesuatu untuk dijadikan roti*.

Al-Raḍiyy menyatakan makna اِسْتَوَيْتُ اللَّحْمَ ialah اِتَّخَذْتُهُ شَوَاءً dan makna جَعَلَهُ خُبْرًا ialah اِخْتَبَرَ الْخُبْرَ.

#### iv. Makna usaha bersungguhan dan berlebihan.

Pola kata tersebut juga menunjukkan makna perbuatan tersebut dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan teliti. (Al-Hamla:wiyy, 2003:40)

Contoh:

1. اِكْتَسَبَ الرَّجُلُ الْمَالَ ertinya: *Lelaki itu berkerja bersungguh-sungguh untuk mencari harta.*
2. اِكْتَسَبَ عَلِيٌّ بَحْثَهُ ertinya: *Ali menulis bersungguh-sungguh dengan penuh teliti kajiannya.*

Perkataan كَسَبَ ertinya: *berkerja*, manakala perkataan اِكْتَسَبَ ertinya: *berkerja bersungguh-sungguh*. Dan perkataan كَتَبَ ertinya: *menulis*, manakala perkataan اِكْتَسَبَ ertinya: *menulis bersungguh-sungguh dengan penuh teliti*.

#### v. Makna menzahirkan.

Pola kata ini juga memberi makna menzahirkan pada makna kata kerja tersebut.

Contoh:

1. اِعْتَذَرَ الرَّجُلُ ertinya: *Lelaki itu mengemukakan alasan (minta keizinan/ minta maaf).*
2. اِعْتَضَبَ الْحَارِسُ ertinya: *Pengawal itu menzahirkan kemarahannya.*

**vi. Makna Seperti Makna kata Asal.**

Terdapat juga pola kata ini yang menunjukkan makna seperti pola kata asal yang tidak terdapat pengimbuhan iaitu pola kata **فَعَلَ**.

Contoh:

1. Perkataan **قَدَرَ** ertinya: *berkuasa atau mampu*, sama maknanya dengan perkataan **اِقْتَدَرَ** .
2. Perkataan **قَرَأَ** ertinya: *membaca*, sama maknanya dengan perkataan **اِقْتَرَأَ** .
3. Perkataan **قَرَبَ** ertinya: *dekat*, sama maknanya dengan perkataan **اِقْتَرَبَ** .

**b. Pola kata اِنْفَعَلَ /infa‘ala/.**

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah hamza<sub>2</sub> wasal /أ/ di awal iaitu sebelum fa:’ fi’il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah huruf ta:’ /ت/ di tengah iaitu diantara fa:’ fi’il /ف/ dan ‘ain fi’il /ع/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Antara makna yang terhasil setelah pengimbuhan ialah:

**i. Tindak balas.**

Kebiasaannya pola kata tersebut terbentuk hasil tindak balas daripada perkataan yang menggunakan pola kata **فَعَلَ** /fa‘ala/ atau **أَفْعَلَ** /af‘ala/. (‘Awa:tif Ahmad Kama:l Shiha:buddin, 2003:102),

Contoh tidak balas daripada pola kata **فَعَلَ** /fa‘ala/:

1. قَطَعْتُهُ فَأَنْقَطَعَ ertinya: *Saya telah memotongnya maka ia pun terpotong.*
2. كَسَرْتُهُ فَأَنْكَسَرَ ertinya: *Saya memecahkannya maka ia pun terpecah.*

Contoh tidak balas daripada pola kata أَفْعَلَ /af‘ala/.

1. أَغْلَقْتُ الْبَابَ فَأَنْعَلَقَ ertinya: *Saya telah mengunci pintu itu maka ia pun terkunci.*
2. أَفْهَمْتُهُ فَأَنْفَهَمَ ertinya: *Saya memahamkannya maka ia pun menjadi faham.*

**c. Pola kata تَفَعَّلَ /tafa‘‘ala/.**

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf ta:’ /ت/ di awal iaitu sebelum huruf fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) pada ‘ain fi‘il /ع/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Antara makna yang terhasil setelah pengimbuhan ialah:

**i. Makna kepura-puraan.**

Pola kata kata kerja tersebut memberi makna pelaku ingin menzahirkan sesuatu sifat yang bukan sifat sebenar yang dimilikinya, dan ia cuba berusaha bersungguh-sungguh bersifat dengan bersifat tersebut. (‘Awa:tif Ahmad Kama:l Siha:buddin, 2003:97).

Contoh:

1. تَشَجَّعَ ertinya: *menunjukkan seolah-olah dia berani (memberanikan diri).*
2. تَصَبَّرَ ertinya: *menunjukkan seolah-olah dia penyabar (cuba bersikap dengan sikap sabar).*

Perkataan شَجَعَ ertinya: *berani*, manakala setelah pengimbuhan تَشَجَّعَ ertinya: *menunjukkan seolah-olah dia berani*. Dan perkataan صَبَرَ ertinya: *sabar*, manakala setelah pengimbuhan تَصَبَّرَ ertinya: *menunjukkan seolah-olah dia penyabar (cuba bersikap dengan sikap sabar)*.

Makna kepura-puraan dalam konteks perkataan tersebut ialah pelaku perbuatan melakukan perkara tersebut dan perbuatan tersebut terhasil oleh pelaku.

Konteks makna kepura-puraan ini berbeza dengan perkataan جَاهَلَ ertinya: *berpura-pura tidak tahu*. Dalam konteks makna perkataan tersebut kepura-puraan berlaku dan hakikatnya pelaku tidak melakukan perkara tersebut dan perbuatan tersebut tidak terhasil oleh pelaku. ('Awa:tif Ahmad Kama:l Shiha:buddin, 2003:98),

## ii. Hasil tindak balas.

Terdapat juga bagi pola kata ini yang terbentuk hasil tindak balas daripada perkataan yang menggunakan pola kata فَعَّلَ /fa‘‘ala/. Tidak balas ini juga memberi makna bahawa objek menerima kesan dari kata kerja yang diimbuhkan dengan pola kata فَعَّلَ /fa‘‘ala/.

Contoh:

1. كَسَّرْتُهُ فَتَكْسَّرَ ertinya: *Saya memecahkannya maka ia pun terpecah.*
2. عَشَيْتُهُ فَتَعَشَى ertinya: *Saya memberinya makan malam maka ia pun makan malam.*

### iii. Makna pengambilan atau menjadikan.

Pengambilan bermaksud mengambil objek untuk dijadikan sesuatu benda dengan makna yang terkandung dalam kata kerja. Makna kata kerja pola kata ini diambil daripada kata nama dan kemudiannya diimbuhkan dengan pola kata *تَفَعَّلَ* /tafa‘‘ala/. Contoh perkataan *وَسَادَةٌ* ertinya: *bantal*. Kemudian perkataan tersebut diimbuhkan dengan pola kata *تَفَعَّلَ* /tafa‘‘ala/ maka menjadi *تَوَسَّدَ* ertinya: *berbantalkan*.

Contoh ayat:

1. *تَوَسَّدَ مُحَمَّدٌ الْحَجَرَ* ertinya: *Muhammad berbantalkan batu*.
2. *تَرَدَّى عَلِيُّ الثَّوْبِ* ertinya: *Ali berselendangkan baju (menjadikan baju sebagai selendang)*.

Pola kata ini menunjukkan pelaku mengambil objek untuk dijadikan sesuatu benda dan benda tersebut diambil maknanya daripada kata kerja seperti contoh pertama iaitu pelaku mengambil objek iaitu *الحَجَرَ* ertinya: *batu*. Pelaku menjadikan batu sebagai bantal. Manakala makna mengambil sesuatu untuk dijadikan bantal adalah terhasil daripada perkataan *وَسَادَةٌ* ertinya: *bantal*. Kemudian diimbuhkan dengan pola kata *تَفَعَّلَ* /tafa‘‘ala/ maka menjadi *تَوَسَّدَ* ertinya: *berbantalkan*. (‘Awa:tif Ahmad Kama:l Siha:buddin, 2003:98).



**iv. Makna perubahan.**

Pola kata ini juga memberi makna perubahan iaitu menjelaskan sesuatu yang telah bertukar atau berubah pada sifat pelaku. ('Awa:tif Ahmad Kama:l Shiha:buddin, 2003:100).

Contoh:

1. تَحَجَّرَ الطِّينُ ertinya: *Tanah telah berubah menjadi batu.*
2. تَجَبَّنَ اللَّبَنُ ertinya: *Susu telah berubah menjadi keju.*

**v. Makna memakai.**

Pola kata ini juga memberikan makna memakai iaitu memakai sesuatu pakaian.

Contoh:

1. تَقَمَّصَ مُحَمَّدٌ ertinya: *Muhammad memakai baju kemeja.*
2. تَعَمَّمَ الطَّالِبُ ertinya: *Pelajar itu memakai serban.*

**vi. Menyerupai makna pola kata اسْتَفْعَلَ /istaf'ala/.**

Bagi pola kata تَفَعَّلَ juga terdapat makna yang menyerupai pola kata اسْتَفْعَلَ. Terdapat dua makna persamaan iaitu makna permintaan dan makna tanggapan bahawa objek bersifat dengan sifat kata kerja asal.

Contoh yang menunjukkan makna permintaan ialah:

1. *تَنْجَزَ الْأَمْرَ* ertinya: *Dia meminta mengikut arahannya*. Lafaz tersebut membawa maksud *طَلَبَ إِنْجَاذَهُ* ertinya: *Dia meminta melaksanakannya*.

Dan contoh yang menunjukkan makna merasakan atau tanggapan ialah:

1. *تَكَبَّرْتُهُ* ertinya: *Saya merasakan bahawa dia orang besar*. Lafaz tersebut membawa maksud *إِعْتَقَدْتُ أَنَّهُ كَبِيرٌ* ertinya ialah: *Saya merasakan bahawa dia orang besar*. ('Awa:tif Ahmad Kama:l Siha:buddin, 2003:99).

#### vi. Makna beransur-ansur dan banyak.

Pola kata ini juga menghasilkan makna berturut-turut iaitu perbuatan tersebut dilakukan secara beransur-ansur. (Al-Raḍiyy, tt. Vol. 1:105)

Contoh:

1. *بَحَّرَعَ الرَّجُلُ* ertinya: *Lelaki itu minum seteguk demi seteguk*.

Perbuatan minum atau meneguk air berlaku secara berturut-turut iaitu sedikit demi sedikit dan menunjukkan perbuatan tersebut dilakukan secara beransur-ansur.

#### d. Pola kata *تَفَاعَلَ* /tafa:'ala/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf ta:' /ت/ di awal kata iaitu sebelum fa:' fi'il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah huruf alif /ا/ setelah fa:' fi'il /ف/ iaitu di antara fa:' fi'il /ف/ dan 'ain fi'il /ع/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada

kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Antara makna yang terhasil setelah pengimbuhan ialah:

#### **i. Makna perkongsian**

Pola kata ini digunakan untuk menunjukkan makna perkongsian perbuatan antara pelaku dan objek. Perkongsian juga berlaku pada makna dan sintaksis.

Contoh:

1.  $\text{بِتَحَادَلِ مُحَمَّدٌ وَ خَالِدٌ}$  ertinya: *Muhammad dan Khalid saling berdebat.*
2.  $\text{تَخَاصَمَ أَحْمَدُ وَ عَلِيٌّ}$  ertinya: *Ahmad dan Ali saling bergaduh antara satu sama lain.*

Contoh pertama perkataan  $\text{بِتَحَادَلِ}$  ertinya: *saling berdebat*. Makna kata kerja tersebut perbuatan tersebut telah berlaku dari kedua-dua pihak tanpa mengetahui siapa yang memulakan perbuatan tersebut. Begitu juga contoh kedua  $\text{تَخَاصَمَ}$  ertinya: *saling bergaduh*. Makna kata kerja tersebut perbuatan bergaduh telah berlaku antara dua pihak tanpa diketahui siapa yang memulakan perbuatan tersebut. Penggunaan pola kata  $\text{تَفَاعَلَ}$  /tafa:'ala/ menunjukkan perkongsian dari segi makna dan juga perkongsian dari segi sintaksis iaitu saling menjadi pelaku dan objek.

Terdapat perbezaan antara makna perkongsian dalam pola kata  $\text{تَفَاعَلَ}$  /tafa:'ala/ dengan makna perkongsian dalam pola kata  $\text{فَاعَلَ}$  /fa:'ala/. Bagi pola kata  $\text{تَفَاعَلَ}$  /tafa:'ala/ menunjukkan perkongsian dari segi makna dan juga perkongsian dalam bentuk sintaksis iaitu saling menjadi pelaku dan objek. Pola kata ini juga tidak dapat menjelaskan pelaku yang memulakan perbuatan tersebut. Manakala bagi pola kata  $\text{فَاعَلَ}$  /fa:'ala/ menunjukkan perkongsian makna kata kerja tersebut iaitu pelaku dan objek saling

melakukan perbuatan tersebut tetapi tidak berlaku perkongsian dari segi sintaksis iaitu perkataan selepas kata kerja adalah pelaku dan perkataan kemudiannya menjadi objek. Bagi pola kata فَاعَلَ /fa:‘ala/ yang memulakan perbuatan tersebut ialah pelaku dalam sistem sintaksis. Bagi pola kata ini juga kata kerja transitif satu objek akan bertukar kepada dua objek. Manakala kata kerja pola kata تَفَاعَلَ /tafa:‘ala/ hanya menerima satu objek sahaja. (‘Awa:tif Ahmad Kama:l Shiha:buddin, 2003:93-94).

Contoh pola kata فَاعَلَ:

1. ضَارَبَ زَيْدٌ عُمَرَ ertinya: *Zaid saling pukul memukul dengan Umar.*

Contoh pola kata تَفَاعَلَ.

2. جَادَلَ مُحَمَّدٌ وَخَالِدٌ ertinya: *Muhammad dan Khalid saling berdebat.*

## ii. Makna berpura-pura.

Pola kata تَفَاعَلَ /tafa:‘ala/ juga menunjukkan makna berpura-pura iaitu pelaku berpura-pura melakukan perbuatan tersebut sedangkan pada hakikatnya tidak melakukan perbuatan tersebut atau pelaku tidak memiliki sifat tersebut. (Al-Hamla:wiiy, 2003:41)

Contoh:

1. نَامَ ertinya: *tidur*. Manakala تَنَاوَمَ ertinya: *berpura-pura tidur*.
2. مَرِضَ ertinya: *sakit*. Manakala تَمَارَضَ ertinya: *berpura-pura sakit*.
3. عَفَلَ ertinya: *lalai atau lupa*. Manakala تَعَافَلَ ertinya: *berpura-pura lupa*.
4. جَهَلَ ertinya: *tidak tahu*. Manakala بَجَاهَلَ ertinya: *berpura-pura tidak tahu*.

### iii. Makna semakin.

Pola kata تَفَاعَلَ /tafa:'ala/ juga menghasilkan makna yang menunjukkan sesuatu perbuatan berlaku sedikit demi sedikit atau beransur-ansur menjadi semakin banyak.

(Al-Hamla:wiyy, 2003:42)

Contoh:

1. زَادَ ertinya: *menambah*. Manakala تَزَايَدَ ertinya: *semakin bertambah*.

Contoh ayat: تَزَايَدَ النَّيْلُ ertinya: *Air Sungai Nil semakin bertambah*.

2. كَثُرَ ertinya: *banyak*. Manakala تَكَاثَرَ ertinya: *semakin banyak*.

Contoh ayat: تَكَاثَرَ النَّحْلُ ertinya: *Lebah semakin banyak*.

### iv. Hasil tindak balas pola kata فَاعَلَ /fa:'ala/.

Pola kata تَفَاعَلَ /tafa:'ala/ juga terbentuk hasil tindak balas daripada pola kata pola kata فَاعَلَ /fa:'ala/.

Contoh:

1. بَاعَدْتُه فَبَاعَدَ ertinya: *Saya menjauhkannya maka dia pun menjadi jauh*.

Contoh diatas perkataan تَبَاعَدَ terbentuk hasil tindak balas daripada perkataan بَاعَدَ .

### e. Pola kata اِفْعَلَ /if'alla/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah hamza<sub>1</sub> wasal /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:' fi'il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) di

akhir iaitu pada huruf la:m fi‘il /ل/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut.

Pola kata **إِفْعَالٌ** /if‘alla/ digunakan untuk perkataan yang menunjukkan kekuatan warna.

Contoh:

1. **إِحْمَرَّ** ertinya: *Ia telah merah.*
2. **إِخْضَرَ** ertinya: *Ia telah hijau.*
3. **إِسْوَدَّ** ertinya: *Ia telah hitam.*

Menurut (Al-Hamla:wiyy, 2003:40), Pola kata tersebut juga digunakan untuk menunjukkan makna kecacatan.

Contoh:

1. **إِعْوَرَ** ertinya: *Yang bermata satu.*
2. **إِعْمَشَّ** ertinya: *Yang banyak memukul.*

Menurut (‘Awa:tif Ahmad Kama:l Shiha:buddin, 2003:93-94) pola kata **إِفْعَالٌ** menunjukkan kekuatan makna berbanding pola kata **إِفْعَلَ**. Apabila ingin menguatkan makna dan berlebih-lebihan maka digunakan pola kata **إِفْعَالٌ** iaitu **إِحْمَارٌ**. Pendapat beliau sesuai dengan konsep penambahan huruf menunjukkan penambahan makna.

### 3.5.2.3 Makna Kata Kerja Tiga Huruf Asal Dengan Tiga Huruf Imbuhan.

Terdapat empat pola kata bagi kata kerja tiga huruf asal yang diimbuhkan dengan tiga huruf imbuhan. Makna keempat-empat pola kata tersebut ialah:

a. **Pola kata** اِسْتَفْعَلَ /istaf‘ala/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/, huruf si:n /س/ dan huruf ta:’ /ت/ di awal kata asal iaitu sebelum fa:’ fi’il /ف/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Antara makna yang terhasil setelah pengimbuhan ialah:

i. **Makna permintaan.**

Pola kata ini menghasilkan makna meminta supaya makna kata kerja tersebut berlaku.

Contoh:

1. عَفَرَ ertinya: *mengampunkan*, menjadi اِسْتَعْفَرَ ertinya: *meminta ampun*.
2. فَهِمَ ertinya: *memahami*, menjadi اِسْتَفْهِمَ ertinya: *meminta diberikan kefahaman*.
3. اَمَرَ ertinya: *memerintah*, menjadi اِسْتَأْمَرَ ertinya: *meminta perintahnya diikuti*.

## ii. Makna perubahan.

Pola kata *إِسْتَفْعَلَ* /istaf‘ala/ juga menghasilkan makna perubahan yaitu sesuatu benda telah berubah menjadi benda lain, sama ada perubahan tersebut terjadi pada perubahan rupa bentuk atau perubahan sifat. Pola kata ini dibentuk daripada kata nama. Perubahan makna juga terdapat dua jenis iaitu makna sifat sebenar ataupun makna sifat kiasan.

(‘Awa:tif Ahmad Kama:l Shiha:buddin, 2003:108-109)

Contoh makna perubahan sifat sebenar ialah:

1. *إِسْتَحَجَرَ* ertinya: *berubah menjadi batu*, berasal daripada kata nama *حَجْرٌ* ertinya: *batu*.

Contoh ayat: *إِسْتَحَجَرَ الطِّينُ* ertinya: *Tanah itu telah berubah menjadi batu (sifatnya keras seperti batu)*.

Contoh makna perubahan kiasan ialah:

1. *إِسْتَأْسَدَ* ertinya: *berubah menjadi singa*, berasal daripada kata nama *أَسَدٌ* ertinya: *singa*.

Contoh ayat: *إِسْتَأْسَدَ الرَّجُلُ* ertinya: *Lelaki itu telah berubah menjadi singa*.

Berubah menjadi singa kiasan kepada maksud bersifat berani seperti singa.

## iii. Makna tanggapan atau mendapati.

Makna tanggapan atau mendapati bermaksud pelaku mendapati objek bersifat dengan sifat makna kata kerja.



Contoh:

1. كَرِمٌ ertinya: *pemurah*. Menjadi اسْتَكْرَمْتُهُ ertinya: *Saya mendapati dia pemurah*.
2. سَمِينٌ ertinya: *gemuk*. Menjadi اسْتَسَمَنْتُهُ ertinya: *Saya mendapati dia gemuk*.
3. عَظُمٌ ertinya: *agung*. Menjadi اسْتَعْظَمْتُهُ ertinya: *Saya mendapati dia agung (hebat)*.

Contoh ayat:

1. اسْتَكْرَمْتُ خَالِدًا ertinya: *Saya mendapati Khalid pemurah*.
2. اسْتَسَمَنْتُ هِنْدًا ertinya: *Saya mendapati Hindun gemuk*.
3. اسْتَعْظَمْتُ بَكْرًا ertinya: *Saya mendapati Bakar agung (hebat)*.

#### iv. Meringkaskan ayat (akronim).

Penggunaan pola kata ini juga digunakan untuk meringkaskan ayat.

Contoh:

1. اسْتَرْجَعٌ ertinya: *dia telah mengucapkan "إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ"*.

Lafaz: إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ertinya: *Sesungguhnya kami adalah milik Allah, dan sesungguhnya kepadaNya jua kami akan kembali*.

Lafaz tersebut diungkapkan ketika seseorang mendapati dirinya atau orang lain ditimpa musibah. Maka perbuatan melafazkan ayat tersebut diringkaskan dalam kata kerja pola kata اسْتَفْعَلَ /istaf'ala/ iaitu اسْتَرْجَعٌ .

**v. Makna seperti pola kata mujarrad.**

Pola kata ini juga memberi makna seperti wazan mujarrad iaitu pola kata فَعَلَ /fa‘ala/.

Contoh:

1. قَرَّ menjadi اسْتَقَرَّ ertinya: *tetap atau stabil*.
2. يَكْسِرُ menjadi اسْتَيْأَسَ ertinya: *putus asa*.
3. عَنِيَ menjadi اسْتَعْنَى ertinya: *tidak memerlukan*.

Kesemua kata kerja tersebut memberikan makna yang sama antara kata tanpa imbuhan dengan kata yang berimbuhan.

**vi. Hasil tindak balas pola kata أَفْعَلَ /af‘ala/.**

Pola kata ini juga terbentuk hasil daripada tindak balas daripada perkataan yang menggunakan pola kata أَفْعَلَ /af‘ala/.

Contoh:

1. رَزِدٌ وَأَقَامَ وَلَدُهُ فَاسْتَقَامَ ertinya: *Zaid membangunkan anaknya, maka dia pun berdiri*.
2. فَاسْتَحْكَمَ أَحْكَمُهُ فَاسْتَحْكَمَ ertinya: *Dia mengemaskannya, maka ianya pun kemas*.

Tindak balas ini berlaku pada kata kerja tak transitif yang ditransitifkan. Contoh perkataan قَامَ ertinya: *Dia telah berdiri*. Kemudian ditukarkan kepada pola kata أَفْعَلَ /af‘ala/ untuk mentransitifkan kata kerja ini ialah أَقَامَ ertinya: *Dia telah membangunkan*.

Tindak balas terjadi kepada objek untuk melakukan perbuatan tersebut iaitu اسْتَقَامَ ertinya: *Dia pun berdiri*. Begitu juga dikiaskan kepada contoh yang kedua.

**vii. Makna seperti pola kata تَفَعَّلَ /tafa‘‘ala/.**

Terdapat juga pola kata tersebut yang menghasilkan makna seperti pola kata تَفَعَّلَ /tafa‘‘ala/ iaitu menghasilkan makna menonjolkan sesuatu sifat dan makna tersebut memberi maksud konotasi yang tidak baik.

Contoh:

1. اسْتَعْظَمَ sama seperti تَعَظَّمَ ertinya: *menjadi sombong*.
2. اسْتَكْبَرَ sama seperti تَكَبَّرَ ertinya: *membesarkan diri sendiri (takbur)*.

**b. Pola kata إِفْعَوْلَ /ifa‘ala/.**

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah huruf wa:w /و/ iaitu setelah ‘ain fi‘il /ع/ dan huruf tambahan yang ketiga ialah pengulangan huruf ‘ain fi‘il /ع/ iaitu huruf ‘ain fi‘il /ع/ selepas huruf wa:w /و/ dan sebelum huruf la:m fi‘il /ل/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Antara makna yang terhasil setelah pengimbuhan ialah:

**i. Makna berlebihan atau banyak.**

Pola kata tersebut menghasilkan makna berlebihan atau banyak iaitu menunjukkan kekuatan makna berbanding makna asal kata kerja tanpa penambahan huruf.

Contoh:

1. عَشُبٌ ertinya: *rumpun telah tumbuh*, manakala setelah pengimbuhan iaitu إِعْشُوبٌ ertinya: *rumpun telah tumbuh dengan banyak*. Contoh ayat: إِعْشُوبَتِ الْحَدِيقَةِ ertinya: *Taman itu telah tumbuh rumput dengan banyak*.
2. حَشْنٌ ertinya: *keras*, manakala setelah pengimbuhan ialah إِحْشُوشٌ ertinya: *menjadi sangat keras*. Contoh ayat: إِحْشُوشَ الثَّوْبِ ertinya: *Baju itu menjadi sangat keras*.

Menurut (Sibawaih, tt. Vol. 4:75), perbezaan antara حَشْنٌ dan إِحْشُوشٌ adalah terdapat makna berlebihan dan penegasan.

## ii. Makna perubahan.

Pola kata ini juga menghasilkan makna perubahan iaitu menjelaskan sesuatu yang telah berubah pada makna kata kerja.

Contoh:

1. حَلَا ertinya: *manis atau cantik*, manakala setelah pengimbuhan iaitu إِحْلَوَى ertinya: *berubah menjadi cantik*. Contoh ayat ialah إِحْلَوَى الشَّيْءُ ertinya: *Sesuatu telah berubah menjadi cantik*.
2. حَقَفَ ertinya: *bengkok*, manakala setelah pengimbuhan iaitu إِحْقَوفَ ertinya: *berubah menjadi bengkok*. Contoh ayat ialah إِحْقَوفَ الْجِسْمِ ertinya: *Badan telah berubah menjadi bengkok*.

c. **Pola kata اِفْعَوْلَ /if‘auwala/.**

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan kedua ialah huruf wa:w /و/ iaitu setelah huruf ‘ain fi‘il /ع/ manakala huruf tambahan ketiga ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) pada huruf wa:w /و/ iaitu sebelum la:m fi‘il /ل/.

Menurut (Al-Raḍiyy, tt. Vol. 1:112), bahawa kata kerja menggunakan pola kata ini ialah kata kerja yang strukturnya datang secara spontan (irtijal). Kata kerja jenis ini bukan berasal dari kata mujarrad tiga huruf. Walau bagaimanapun sebahagian penggunaan pola kata ini mengandungi makna yang tersendiri. Kebanyakan ahli morfologi Arab berpendapat bahawa pola kata ini memberi makna berlebihan atau bersangatan iaitu menunjukkan kekuatan makna. Pola kata ini juga terdapat pada kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

Contoh kata kerja tak transitif:

1. اِحْمَدٌ اِحْمَدٌ اِحْمَدٌ ertinya: *Ahmad berjalan dengan terlalu cepat.*

Contoh kata kerja transitif:

1. اِحْمَدٌ اِحْمَدٌ اِحْمَدٌ ertinya: *Ahmad memeluk dengan erat unta tunggangan.*

d. **Pola kata اِفْعَالًا /if‘a:lla/.**

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan yang kedua ialah huruf alif /ا/ setelah huruf ‘ain fi‘il /ع/, manakala huruf tambahan yang ketiga ialah tasydid /ّ/ (gandaan

huruf) pada huruf la:m fi‘il /ل/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut.

Menurut Al-Raḍiyy dalam Syaraḥ Sya:fiyaḥ Ibn al-Ha:jib menyatakan Penggunaan pola kata ini hanya terdapat pada kata kerja yang menunjukkan sifat warna sahaja. Penggunaan pola kata ini juga menunjukkan kelebihan atau bersangatan pada sifat warna tersebut. (Al-Raḍiyy, tt. Vol. 1:112)

Contoh:

1. إِحْمَارٌ ertinya: *menjadi sangat merah.*
2. إِصْفَارٌ ertinya: *menjadi sangat kuning.*
3. إِخْضَارٌ ertinya: *menjadi sangat hijau.*
4. إِبْيَاضٌ ertinya: *sangat putih.*

### 3.5.2.4 Makna Kata Kerja Empat Huruf Asal Dengan Satu Huruf Imbuhan.

Terdapat satu pola kata sahaja bagi kata kerja empat huruf asal yang menerima penambahan satu huruf. Pola kata tersebut ialah:

a. Pola kata تَفَعَّلَ /tafa‘lala/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf ta:’ /ت/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Imbuhan kata kerja ini hanya memberikan satu makna sahaja, iaitu:

i. Hasil tindak balas.

Menurut Al-Raḍiyy dalam Syaraḥ Sya:fiyaḥ Ibn al-Ha:jib menyatakan pola kata tersebut terbentuk hasil tindak balas daripada kata kerja asal. (Al-Raḍiyy, tt. Vol. 1:113)

Contoh:

1. دَخَرَجْتُهُ فَتَدَخَّرَجَ ertinya: *Saya mengolekkannya, maka ia pun tergolek.*
2. إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ فَتَزَلْزَلَتْ ertinya: *Apabila digoncangkan bumi, maka ia pun tergoncang.*

Contoh pertama perkataan تَدَخَّرَجَ ertinya: *tergolek*, terhasil daripada tindak balas kata kerja asal iaitu دَخَرَجَ ertinya: *menggolekkan*, manakala perkataan تَزَلْزَلَتْ ertinya: *tergoncang*, terhasil daripada tindak balas kata kerja asal iaitu زَلْزَلَ ertinya: *menggoncangkan*.

### 3.5.2.5 Makna Kata Kerja Empat Huruf Asal Dengan Dua Huruf Imbuan.

Terdapat dua pola kata sahaja bagi kata kerja empat huruf asal yang menerima penambahan dua huruf. Pola kata tersebut ialah:

a. **Pola kata** **إِفْعَلَّلَ** /if‘anlala/.

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi’il /ف/ dan huruf tambahan yang kedua ialah huruf nūn /ن/ iaitu setelah huruf ‘ain fi’il /ع/. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Imbuan kata kerja ini hanya memberikan satu makna sahaja, iaitu:

i. **Hasil tindak balas.**

Pola kata tersebut terbentuk hasil tindak balas daripada kata asal iaitu **فَعَلَّلَ** /fa‘lala/.

Contoh:

1. **حَرَجَمْتُ الْقَوْمَ فَأَحْرَجْتُمُوَا** ertinya: *Saya telah menghimpunkan kaum itu, maka mereka pun telah berhimpun.*
2. **فَرَقَعْتُ الْقَوْمَ فَأَفْرَنْعُوا** ertinya: *Saya menyuraikan kaum itu, maka mereka pun bersurai.*

Contoh pertama perkataan **إِحْرَجْتُمْ** ertinya: *berhimpun*, terhasil daripada tindak balas kata kerja asal iaitu **حَرَجَمَ** ertinya: *menghimpunkan*, manakala perkataan **إَفْرَنْعَ** ertinya: *bersurai*, terhasil daripada tindak balas kata kerja asal iaitu **فَرَقَعَ** ertinya: *menyuraikan*.



**b. Pola kata اِفْعَلَّ /if‘alalla/.**

Huruf tambahan bagi pola kata kata kerja tersebut ialah huruf hamzat /أ/ di awal kata iaitu sebelum fa:’ fi‘il /ف/ dan huruf tambahan yang kedua ialah tasydid /ّ/ (gandaan huruf) di akhir kata iaitu pada huruf la:m /ل/ yang kedua. Dengan terjadinya penambahan huruf pada kata asal maka berlakulah penambahan makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Imbuan kata kerja ini hanya memberikan satu makna sahaja, iaitu:

**i. Makna berlebihan atau bersangatan.**

Pola kata tersebut menghasilkan makna berlebihan atau bersangatan iaitu menunjukkan kekuatan makna berbanding makna asal kata kerja tanpa penambahan huruf. Pola kata ini hanya terjadi pada kata kerja tak transitif. (Al-Raḍiyy, tt. Vol. 1:113)

Contoh:

1. طَمَأَنَّ ertinya: *menenangkan*, manakala setelah pengimbuhan ialah اِطْمَأَنَّ ertinya: *sangat tenang*.
2. كَفَّهُرَ ertinya: *gelap*, manakala setelah pengimbuhan ialah: اِكْفَهَّرَ ertinya: *gelap gulita*.